




Terumbu Karang

**KHAZANAH TERSEMBUNYI
DI SELAT MELAKA**

MOHAMAD SAUPI ISMAIL



TERUMBU KARANG

KHAZANAH TERSEMBUNYI DI SELAT MELAKA

MOHAMAD SAUPI ISMAIL

Cetakan Pertama, 2021.

(c) 2021 oleh Mohamad Saupi Ismail.

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penulis terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh:
Institut Penyelidikan Perikanan
FRI Batu Maung
11960 Pulau Pinang, Malaysia
<http://fri.gov.my>



KATA PENGHANTAR



Dengan rasa penuh kesyukuran, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penulis dan FRI Batu Maung kerana berjaya menerbitkan buku **Terumbu Karang: Khazanah Tersembunyi di Selat Melaka** yang berkonsep ensiklopedia ini. Usaha murni ini seharusnya dihargai kerana ia meningkatkan lagi pemahaman mengenai biodiversiti terumbu karang di perairan Malaysia. Tanpa pengetahuan ini, sebarang keputusan untuk menjalankan program konservasi pada masa sekarang dan masa hadapan mungkin sukar.

Selat Melaka yang sepanjang 930 km merupakan salah satu laluan perkapalan yang terpenting di

dunia. Namun, kejудan kawasan terumbu karang di perairan ini membuktikan Selat Melaka masih mempunyai kawasan biodiversiti marin yang boleh menyumbang kepada sektor perikanan dan eko-pelancongan. Pembangunan pesat di pesisir pantai boleh memberi impak negatif kepada habitat terumbu karang. Ini memerlukan lebih usaha untuk memastikan kelangsungan hidup terumbu karang di perairan ini terpelihara, kerana ia merupakan habitat semulajadi kepada pelbagai spesies marin, termasuklah ikan-ikan komersial serta spesies yang dilindungi seperti penyu dan mamalia marin. Adalah penting untuk kita semua sama-sama memainkan peranan melindungi khazanah marin yang tidak ternilai ini. Kawasan terumbu karang seperti Kepulauan Besar, Melaka, Kepulauan Sembilan, Perak dan Kepulauan Songsong, Kedah perlu diuruskan dengan lebih baik dan dilindungi pada masa hadapan.

Buku ini sesuai digunapakai oleh semua, daripada orang awam, kepada para pelajar dan pemain industri eko-pelancongan hinggalah pihak berkepentingan. Daripada spesies karang yang lazim ditemui, sehingga spesies karang yang dikategorikan sebagai rentan (vulnerable), semuanya diperincikan di dalam buku ini. Saya berharap lebih banyak buku berkenaan terumbu karang di Malaysia dapat diterbitkan pada masa hadapan. Semoga buku ini dapat menambah khazanah ilmu dan menjadi sumber rujukan yang berguna kepada semua.

AHMAD TARMIDZI BIN RAMLY, AMK

Ketua Pengarah Perikanan Malaysia

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

PRAKATA

Pepatah yang mengatakan “satu gambar mampu menceritakan seribu makna” cukup benar bagi menerangkan tentang karang. Haiwan ganjil ini merupakan antara hidupan laut yang unik dan sangat menarik namun sukar difahami dan dibezakan. Para peminat dan penyelam sanggup menghabiskan masa dan wang yang banyak untuk melihat dengan lebih dekat hidupan marin ini. Seseorang boleh “hilang” dalam dunia terumbu karang yang penuh warna-warni dengan pelbagai bentuk, saiz dan hidupnya.


Pemahaman tentang karang dan pengetahuan bagaimana untuk membezakannya adalah begitu penting kepada ahli-ahli biologi marin dan pencinta alam, serta industri ternakan karang yang sedang membangun di Malaysia. Terdapat buku yang cukup bagus yang ditulis oleh Dr. John ‘Charlie’ Veron bertajuk “Corals of the World” yang diterbitkan dalam tiga jilid pada tahun 2000. Namun, karang

di Malaysia agak sukar untuk dibezakan dengan spesies yang ditemui di tempat lain. Tidak seperti ikan dan lain-lain hidupan marin, tiada satu pun koloni karang yang berbentuk serupa. Di samping itu, penerangannya adalah terlalu teknikal dan bergantung kepada bentuk skeletal karang. Oleh itu, buku ini ditulis yang berorientasikan gambar dan penerangannya lebih berasaskan ciri-ciri komponen hidup bukannya spesimen museum yang tidak bewarna lagi. Pengumpulan maklumat berkenaan karang di Selat Melaka telah bermula sejak sedekad lalu. Kesemua gambar diambil di habitat semulajadinya kecuali sebahagian kecil spesies karang yang diambil untuk tujuan penyelidikan di FRI Batu Maung, Pulau Pinang.

Selamat menyelami khazanah laut yang tersembunyi di Selat Melaka.

MOHAMAD SAUPI BIN ISMAIL

Skeletal karang *Acropora*



Untuk Liz & Aida

Dari kedua laut itu, keluar mutiara dan marjan (karang)

- Ar-Rahman: 22

KANDUNGAN

Kata Pengantar	2
Prakata	3
Dedikasi	4
Kandungan	5
ASAL USUL KARANG	6
APA ITU KARANG	8
TERUMBU KARANG DI SELAT MELAKA	10
SPESES KARANG KERAS DI SELAT MELAKA	12
Bentuk Bercabang	14
Bentuk Rabung dan Lurah yang Berliku	35
Bentuk Masif atau Tebal	47
Bentuk Plet Nipis dan Kerak	77
Bentuk Tunggal atau Terasing atau Hidup Bebas	101
Bentuk Polip Berkembang Besar pada Siang Hari	104
Lain-lain Spesies Karang Keras yang Direkodkan	114
Glosari	116
Bibliografi	120
Biodata Penulis	121
Senarai Penyumbang Foto	122
Indeks	123





Physogyra lichtensteini

ASAL USUL KARANG

Karang dipercayai merupakan antara hidupan berbilang sel yang tertua di dunia yang telah wujud sejak 550 juta tahun dahulu. Di dalam tempoh yang panjang ini, karang yang terawal telah pupus. Ia kemudiannya digantikan dengan spesies yang mampu beradaptasi dengan lebih baik. Hari ini, karang telah mengalami evolusi selepas Zaman Kepupusan Permian-Triassic.

Zaman Kepupusan Permian-Triassic atau Zaman Kematian Besar berlaku sekitar 250 juta tahun dahulu. Sebaik sahaja berakhirnya Zaman Kematian Besar, kebanyakan hidupan di lautan menjadi pupus. Dipercayai tidak sampai 5% daripada kesemua hidupan marin mampu hidup di dalam air laut yang cukup panas ketika itu. Haiwan yang terselamat menjadi hidupan marin pada masa sekarang setelah melalui tempoh evolusi selama 10 hingga 20 juta tahun.

Kawasan pemulihan global ini dikenali sebagai Lautan Tethys, yang merupakan kawasan perairan cetek yang luas terbentang di dunia daripada garisan 30°U hingga ke Khatulistiwa. Hari ini, Malaysia, Indonesia, dan negara di sekitar Lautan Hindi merupakan antara negara yang termasuk di dalam kawasan Lautan Tethys.

Kawasan utama evolusi marin sekitar 250 juta tahun dahulu berterusan sehingga ke hari ini untuk menghasilkan lebih banyak spesies. Karang di Asia lebih muda secara geologi berbanding karang di Lautan Atlantik, kerana masih baharu lagi berevolusi. Kawasan ini dikenali pada hari ini sebagai Segitiga Karang, yang merangkumi kawasan di antara Malaysia hingga ke Papua New Guinea. Bagi kawasan yang hanya seluas 5.7 juta km², ianya kaya dengan sumber biologi yang mampu menampung kehidupan 120 juta orang. Apa yang menakjubkan adalah Segitiga Karang ini merupakan persekitaran terkaya yang pernah wujud di muka bumi.


Karang adalah penunjuk unik bagi biodiversiti dan kekayaan spesies yang mengagumkan di kawasan Segitiga Karang. Hakikatnya, Segitiga Karang mempunyai lebih 80% daripada kesemua spesies karang di perairan Indo-Pasifik. Menariknya, kebanyakan terumbu karang di kawasan ini mempunyai purata 280 spesies karang bagi setiap hektar. Ini adalah empat kali ganda bagi keseluruhan biodiversiti di Lautan Atlantik.



Euphyllia glabrescens

APA ITU KARANG


Karang adalah satu kumpulan haiwan yang ganjil di mana saudara terdekatnya termasuklah kipas laut (Gorgonian), cambuk laut, buran dan obor-obor. Kesemua haiwan ini berkongsi ciri yang serupa iaitu dilengkapi dengan sel-sel menyengat dikenali sebagai nematosista. Sel berbentuk serampang ini digunakan untuk menyuntik neurotoksin ke dalam badan mangsa, supaya karang dan saudaranya dapat menangkap haiwan yang bersaiz agar besar. Mangsa ini termasuklah ikan-ikan kecil dan haiwan planktonik yang akan disumbat ke dalam mulut karang yang terletak di tengah-tengah sel penyengat untuk dihadam. Karang tidak hanya mempunyai mulut. Ia juga mempunyai rangkaian sel saraf yang ringkas, namun tiada otak dan organ-organ khusus yang lain. Bentuk polip karang adalah seperti di dalam gambar di bawah.



Bentuk polip karang.

Sumber: Kelly, 2016.

Karang “Scleractinian” atau karang keras menghasilkan skeletal luaran yang cantik dan terperinci daripada kalsium karbonat, untuk mengekalkan karang pada tempatnya dan sebagai perlindungan. Hasil pengumpulan beribu-ribu tahun skeletal karang akhirnya membentuk terumbu karang. Kebanyakan terumbu karang sekarang adalah terbentuk daripada pengakhiran Zaman Ais lagi.



Struktur badan karang.

Walaupun bahan skeletal yang terkumpul boleh menebal sehingga beberapa meter, koloni yang hidup hanya berada pada lapisan nipis di permukaan luaran. Terumbu karang juga boleh ditemui di sekitar perairan keruh Selat Melaka. Sekali imbas terumbu kelihatan pudar kerana kebanyakan spesies karang tempatan adalah berwarna perang, hijau gelap atau sawo matang. Namun, dengan pemerhatian yang teliti, karang mempunyai julat warna lembut yang besar.

Sekiranya kita membuat perbandingan bilangan spesies dalam kawasan yang tertentu, kita boleh mengetahui biodiversitinya. Sebagai contohnya, di Selat Melaka sahaja sekitar 60 spesies karang keras daripada pelbagai habitat pernah didokumentasikan. Sebagai perbandingan terdapat kira-kira 600 spesies karang di seluruh Segitiga Karang. Sementara terdapat tidak lebih 60 spesies karang yang telah dikenalpasti di kepulauan Caribbean, Mexico dan Amerika Tengah, timur Amerika Syarikat dan di utara Amerika Selatan.

TERUMBU KARANG DI SELAT MELAKA

Keujudan karang di Selat Melaka julung kalinya didokumentasikan lebih satu setengah dekad yang lalu oleh ahli alamiah (naturalist) dari Perancis iaitu Henri Milne-Edwards dan Jules Haime. Mereka melaporkan penemuan tiga spesies karang di dalam karya agung “*Histoire naturelle des coralliaires*” (1857-1860). Seterusnya Gustav Schneider dari Basel, Switzerland menghantar koleksi karang dari selatan perairan Selat Melaka kepada F. Brueggermann dan Th. Studder untuk pengkelasan taksonomi. Brueggermann merekodkan 55 spesies karang di dalam jurnal “*Ueber einige steinkorallen von Singapore*” pada tahun 1878. Manakala Studder pula melaporkan 49 spesies karang di dalam buku beliau “*Die korallen sind alle einem riff entnommen welches ziemlich entfernt von Singapore in der Strasse von Malakka liegt*” yang diterbitkan pada tahun 1880.

Selepas itu lebih banyak rekod karang diperolehi daripada selatan Selat Melaka terutamanya di perairan Singapura. Namun masih tiada rekod karang dari perairan utara dan tengah Selat Melaka sehinggalah pada pertengahan abad ke-20. Satu ekspedisi yang dinamakan “Xarifa ke-2” diketuai oleh Dr. Hans Hass, seorang pakar biologi dari Austria, telah dijalankan pada tahun 1957-1958 di Laut Andaman sehingga ke Selat Melaka, yang melibatkan 8 stesen persampelan di perairan Malaysia iaitu Tukun Perak di Kedah, Kepulauan Sembilan dan Pulau Jarak di Perak. Sampel karang yang diambil dari stesen-stesen tersebut ditempatkan di Hessian State Museum, Darmstadt, Jerman di bawah pengawaseliaan Georg Scheer. Akhirnya pada tahun 1974, buat pertama kalinya sebanyak 38 spesies karang keras dari 20 genus yang terkulung di dalam 12 famili di perairan pantai barat Semenanjung Malaysia berjaya diklasifikasi dan didokumentasi oleh C.S. Gopinadha Pillai dan Georg Scheer sendiri. Hasil penemuan ini telah membuka mata lebih ramai ahli biologi termasuk penyelidik dari Malaysia untuk menjalankan persampelan karang di Selat Melaka.

Rekod terkini sehingga 2016 menunjukkan sebanyak 56 spesies karang keras telah didokumentasikan di Selat Melaka. Jumlah ini adalah lebih rendah berbanding 398 spesies karang keras di pantai timur Semenanjung Malaysia dan 382 spesies yang ditemui di perairan timur Sabah (Laut Sulu). Terumbu karang di Selat Melaka kurang membangun kerana keadaan air yang keruh dan tahap mendapan yang tinggi akibat daripada proses semulajadi dan kesan antropogeni seperti pembangunan di pesisir pantai. Di utara pantai barat Semenanjung Malaysia, terumbu karang boleh ditemui di kawasan pulau seperti di Kepulauan Langkawi, Pulau Payar, Kepulauan Songsong dan





Tukun Perak di Kedah, Pulau Kendi di Pulau Pinang serta Kepulauan Sembilan, Pulau Jarak dan Pulau Pangkor di Perak. Di bahagian selatannya, beberapa tompok terumbu karang boleh ditemui di perairan Tanjung Tuan, Negeri Sembilan, serta di Gugusan Pulau Besar di Melaka.

SPESES KARANG KERAS DI SELAT MELAKA

Lazimnya pengelasan saintifik karang dilakukan berdasarkan turutan famili, genus dan spesies. Kesemua karang keras berasal dari filum Cnidaria dan order Scleractinia. Ianya berbeza daripada karang lembut yang tergolong di dalam order Alcyonacea. Namun, pengelasan karang secara am melalui bentuk tumbesaran lebih mudah untuk dipraktikkan. Cara ini adalah asas kepada pengenalpastian karang di dalam buku ini.

Bentuk koloni karang sering dipengaruhi oleh faktor persekitarannya seperti kejernihan dan kedalaman air. Karang yang hidup di perairan yang cetek dan terdedah kepada arus dan ombak lazimnya mempunyai cabang, sementara karang yang tumbuh di perairan yang lebih dalam berbentuk seperti piring. Enam bentuk utama koloni karang yang digunakan di dalam buku ini adalah bercabang (branching), rabung dan lurah yang berliku (meandering ridges and valleys), masif atau tebal (massive or thick), plet nipis dan kerak (thin plates and crusts), tunggal atau terasing atau hidup bebas (solitary or isolated or free-living), dan polip berkembang besar pada siang hari (large, daytime expanded polyps). Semua istilah ini digunakan oleh seorang pakar karang bernama Dr. Russell Kelley dalam penerbitannya yang bertajuk Indo Pacific Coral Finder.

Dari Teluk Datai, Langkawi sehingga ke Pulau Undan, Melaka, penulis telah menemui lebih daripada 100 spesies karang keras di perairan Selat Melaka. Namun, hanya 100 spesies karang dinyatakan di dalam buku ini. Kesemua spesies yang digambarkan mengandungi informasi ringkas bagi memudahkan pembaca untuk mengenalpastinya. Taksonomi setiap spesies karang dikemaskini berdasarkan rujukan terkini melalui laman sesawang World Register of Marine Species (www.marinespecies.org). Juga dicadangkan nama tempatan yang sesuai digunakan ke atas spesies tersebut. Sebagai tambahan, status konservasi “IUCN Red List”, yang merupakan kategori yang digunakan oleh Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Sekitar (IUCN), dinyatakan ke atas setiap spesies di dalam buku ini.



Koloni bercabang



Koloni rabung dan lurah yang berliku



Koloni masif atau tebal



Koloni plet nipis dan kerak



Koloni tunggal atau terasing



Koloni polip berkembang besar

Bentuk-bentuk pertumbuhan karang keras

Acropora aspera (Dana, 1846)

Famili: Acroporidae Verrill, 1901

Nama tempatan: Karang cabang



Ciri: Koloni berbentuk jejari dengan cabang menegak dan menirus di hujungnya. Cabang tebal dengan pelbagai saiz panjang. Koralit aksial bersaiz kecil tetapi ketara. Koralit radial bersaiz besar dan kecil, bersesakan dan kelihatan seperti sisik. Koralit awal mudah dilihat.


Warna: Perang atau kelabu.

Spesies mirip: *Acropora millepora*, yang mempunyai koralit radial bersaiz sama.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Kedah.

Status Konservasi IUCN: **Rentan.**

Perincian koloni yang dikultur di FRI Batu Maung, Pulau Pinang.



Koloni *Acropora aspera* di Pulau Songsong, Kedah, menampakkan koralit awal.

Acropora clathrata (Brook, 1891)

Famili: Acroporidae Verrill, 1901

Nama tempatan: Karang meja



Perincian hujung cabang koloni di Pulau Nipis, Perak.

Ciri: Koloni berbentuk meja dengan cabang mendatar yang memanjang dengan saiz yang sama dari tengah ke hujung. Koralit radial samada terbenam atau berbentuk tiub. Cabang menegak lazimnya tidak terbentuk.

Warna: Perang, kelabu atau hijau, dengan hujung cabang bewarna pucat.

Spesies mirip: *A. plumosa*, namun bentuk pletnya kurang padu berbanding *A. clathrata*.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Perak.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.




Koloni plet *Acropora clathrata* di Pulau Lalang, Perak.

Acropora cytherea (Dana, 1846)

Famili: Acroporidae Verrill, 1901

Nama tempatan: Karang meja



Perincian hujung cabang koloni dengan tentakel yang memanjang.


Ciri: Koloni berbentuk meja lebar yang leper dan lazimnya nipis. Ia berstruktur halus di perairan terlindung, tapi menebal di kawasan berarus. Anak cabang menegak mempunyai koralit aksial yang menonjol. Koralit radial adalah pendek dengan kaliks yang terbuka. Tentakel sering memanjang pada siang hari.

Warna: Krim pudar, perang atau biru. Hujung cabang bewarna lebih cerah.

Spesies mirip: *Acropora hyacinthus*.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Acropora cytherea* di Pulau Payar, Kedah.

Acropora divaricata (Dana, 1846)

Famili: Acroporidae Verrill, 1901

Nama tempatan: Karang rimbun



Koloni kecil yang dikultur secara *in situ* di Pulau Undan, Melaka.

Ciri: Koloni berbentuk “**corymbose**”, dengan cabang yang mencapah dan berjalanan. Cabang boleh meleper atau menirus. Korallit aksial boleh memanjang dan ketara. Korallit radial boleh berbentuk tiub, tenggelam atau terkapuk di sepanjang cabang.

Warna: Perang tua atau perang kehijauan. Hujung cabang kadangkala bewarna biru atau perang muda.

Spesies mirip: Koloni yang cabangnya tidak mencapah boleh menyerupai *A. nasuta*.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka, Perak dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni *Acropora divaricata* di Pulau Segantang, Kedah.

Acropora florida (Dana, 1846)

Famili: Acroporidae Verrill, 1901

Nama tempatan: Karang cabang



Perincian hujung koloni di Pulau Payung, Perak.

Ciri: Koloni dengan cabang utama yang gemuk dan besar, dengan anak cabang yang pendek. Koralit aksial adalah kecil. Koralit radial samada terbenam atau berbentuk tiub seragam pada seluruh koloni. Spesies ini boleh membentuk koloni yang sangat besar di perairan yang keruh.

Warna: Perang atau hijau terang.

Spesies mirip: *Acropora sarmentosa*, yang mempunyai koralit radial seakan sisik.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Perak.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni *Acropora florida* di Pulau Lalang, Perak.

Acropora grandis (Brook, 1892)

Famili: Acroporidae Verrill, 1901

Nama tempatan: Karang rimbun



Perincian hujung cabang koloni di Pulau Payar, dengan beberapa koralit aksial pada satu cabang.

Ciri: Koloni adalah bercabang, dengan cabang tebal yang menegak dan melata. Cabang padat dan pendek di perairan cetek tetapi menjadi lebih terbuka di perairan dalam. Koralit radial dengan pelbagai saiz dan bentuk. Ianya berbentuk tiub dan panjang di hujung cabang dan serupa dengan koralit aksial.

Warna: Perang-kemerahan gelap dengan hujung cabang bewarna pucat.

Spesies mirip: *Acropora muricata*, yang tiada koralit radial memanjang di hujung cabang.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni kecil *Acropora grandis* yang dikultur di Pulau Lembu, Kedah.

Acropora hyacinthus (Dana, 1846)

Famili: Acroporidae Verrill, 1901

Nama tempatan: Karang berus



Koloni kecil yang dikultur di FRI Batu Maung, Pulau Pinang.

Ciri: Koloni berbentuk meja dengan diameter mencecah 4m. Cabang menegak yang kecil dengan koralit aksial bersaiz kecil tetapi masih dapat dibezakan dengan koralit radial yang berbentuk roset. Koloni besar sering mempunyai pusat plet yang padu.

Warna: Krim sekata, perang, kelabu atau hijau, dengan tepi bewarna putih-biru.

Spesies mirip: *A. cytherea*; anak cabangnya mempunyai koralit aksial yang menonjol.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni besar *Acropora hyacinthus* di Pulau Songsong, Kedah.

Acropora muricata (Linnaeus, 1758)

Famili: Acroporidae Verrill, 1901

Nama tempatan: Karang tanduk rusa

Nama asal: *Acropora formosa*



Perincian koralit.

Ciri: Koloni bercabang dengan cabang seperti selinder yang boleh memanjang sehingga 2m. Cabang boleh merapat dan pendek, atau menjarak bergantung kepada persekitaran. Koralit aksial menonjol keluar manakala koralit radial berbentuk tiub.

Warna: Krim, perang atau biru, dengan hujung cabang bewarna pucat.

Spesies mirip: *Acropora abrolhosensis*, yang koralit aksialnya lebih besar.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Perak dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni *Acropora muricata* di Pulau Payar, Kedah.

Acropora nasuta (Dana, 1846)

Famili: Acroporidae Verrill, 1901

Nama tempatan: Karang tanduk rusa



Koloni kecil yang dikultur secara *in situ* di Pulau Anak Datai, Langkawi.

Ciri: Koloni berbentuk “**corymbose**” dengan anak cabang yang memanjang dan menirus. Korallit aksial berbentuk tiub. Korallit radial tersusun berbaris dan berbentuk “**nariform**”.

Warna: Krim atau perang pudar dengan hujung cabang biru. Krim atau perang-hijau dengan korallit perang, biru atau ungu.

Spesies mirip: *Acropora cerealis*, yang korallit radialnya tidak tersusun berbaris.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni *Acropora nasuta* di Pulau Anak Datai, Langkawi.

Acropora pulchra (Brook, 1891)

Famili: Acroporidae Verrill, 1901

Nama tempatan: Karang tanduk rusa



Perincian koralit koloni yang dikultur di FRI Batu Maung, Pulau Pinang.

Ciri: Koloni membentuk cabang selinder atau “*corymbose*”, dengan cabang bawahan yang mendatar. Cabang lebih kecil berbanding spesies karang tanduk rusa yang lain. Saiz koralit radial yang pelbagai, dengan bibir bawah yang menonjol.

Warna: Perang gelap atau pucat, biru, dengan hujung cabang berwarna biru pucat.

Spesies mirip: *Acropora muricata* dan *A. yongei*, tetapi koralit radialnya berbeza.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Acropora pulchra* di Pulau Kaca, Kedah.

Acropora robusta (Dana, 1846)

Famili: Acroporidae Verrill, 1901

Nama tempatan: Karang tanduk rusa

Nama asal: *Acropora nobilis*



Koloni di Pulau Saga, Perak.

Ciri: Koloni membentuk cabang selinder yang tidak teratur dengan dasar berkerak. Koloni mampu melebihi 5m lebar. Bentuk cabang di bahagian tengah dan tepi adalah berbeza. Korallit radial dengan pelbagai saiz dan bercorak seperti pengikir.

Warna: Hijau terang, perang-kuning atau kuning. Hujung cabang bewarna pucat.

Spesies mirip: *Acropora abrotanoides*, namun ia tidak mempunyai dasar berkerak.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Perak dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Acropora robusta* di Pulau Buluh, Perak, dengan dasar berkerak.

Acropora secale (Studer, 1878)

Famili: Acroporidae Verrill, 1901

Nama tempatan: Karang cabang ungu



Perincian cabang koloni.

Ciri: Koloni berbentuk “*corymbose*” dengan cabang menirus dan berketebalan sehingga 25mm. Korallit aksial kecil dan berbentuk tiub. Korallit radial besar dan ketara, dengan saiz yang berselang seli dalam barisan menegak, dan kian memanjang pada pangkal cabang.

Warna: Krim, biru, ungu, perang dan kuning. Hujung cabang lazimnya bewarna ungu.

Spesies mirip: *Acropora valida*, yang korallit radialnya lebih kecil dan tidak memanjang.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni *Acropora secale* di Teluk Datai, Langkawi.

Acropora spicifera (Dana, 1846)

Famili: Acroporidae Verrill, 1901

Nama tempatan: Karang plet



Perincian cabang koloni, dengan polip memanjang.

Ciri: Koloni adalah lebar, rata, plet berlapis atau meja dengan hujung berlobus. Cabang mendatar di hujung koloni, tapi melengkung, tirus dan menegak di bahagian lain. Koralit aksial besar dan jelas. Koralit radial tersebar sekata, seperti sisik dan membentuk roset. Polip sering memanjang pada siang hari.

Warna: Kelabu atau hijau.

Spesies mirip: *Acropora hyacinthus*, yang anak cabangnya lebih kecil dan rapi.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka.

Status Konservasi IUCN: **Rentan.**



Koloni plet berlapis *Acropora spicifera* di Pulau Undan, Melaka.

Hydnophora rigida (Dana, 1946)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang tanduk bercabang



Perincian koralit koloni kecil yang dikultur di FRI Batu Maung, Pulau Pinang.

Ciri: Koloni berbentuk cabang leper yang tidak seragam, dengan diameter 6-12mm. Dasar berkerak mungkin ujud. Koralit berbentuk montikul ([hydnoaphore](#)) yang tersebar secara tidak teratur.

Warna: Krim, hijau atau perang.

Spesies mirip: *Hydnophora grandis*, yang struktur skeletalnya lebih besar.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Negeri Sembilan dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni besar *Hydnophora rigida* di Pulau Payar, Kedah.

Montipora digitata (Dana, 1846)

Famili: Acroporidae Verrill, 1901

Nama tempatan: Karang jejari baldu



Perincian cabang koloni yang dikultur di FRI Batu Maung, Pulau Pinang.


Ciri: Koloni berbentuk jejari atau cabang yang tercantum menegak. Korallit terbenam dan kecil, terutama bagi koloni di perairan cetek. Permukaan senosteum adalah licin.

Warna: Krim pucat atau perang, dengan hujung cabang yang lebih cerah.

Spesies mirip: *Montipora samarensis*, yang mempunyai cabang lebih nipis dan kasar.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Negeri Sembilan.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni kecil *Montipora digitata* yang dikultur di FRI Batu Maung, Pulau Pinang.

Montipora stellata Bernard, 1897

Famili: Acroporidae Verrill, 1901

Nama tempatan: Karang cabang baldu



Perincian cabang koloni di Pulau Undan.

Ciri: Koloni merupakan lamina berkerunyut yang membentuk pusaran, tingkat dan cabang tegak yang bercantum tanpa aturan. Korallit tenggelam dengan papila berbentuk tiub (**thecal**) yang tidak teratur. Papila senosteum sering bercantum membentuk rabung pendek.

Warna: Krim, biru atau perang. Rabung lazimnya bewarna putih.

Spesies mirip: *Montipora carinata*, yang cabangnya kecil dan tidak membentuk lamina.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.




Koloni *Montipora stellata* di Pulau Undan, Melaka.

Pocillopora damicornis (Linnaeus, 1758)

Famili: Pocilloporidae Gray, 1840

Nama tempatan: Karang kubis bunga / renda



Perincian koralit koloni di Pulau Payar, Kedah.

Ciri: Koloni membentuk rumpun yang padat. Cabang dan veruka sukar dibezakan. Ianya bersatu sebagai cabang. Cabang menjadi jarang dan terbuka di habitat terlindung, namun menjadi padat di perairan berarus.

Warna: Perang pucat, hijau, merah jambu. Hujung cabang bewarna lebih cerah.

Spesies mirip: *Pocillopora verrucosa*, yang cabangnya boleh dibezakan dengan veruka.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Perak, Pulau Pinang dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *P. damicornis* dari Pulau Kendi, Pulau Pinang yang dikultur di FRI Batu Maung.

Porites compressa Dana, 1846

Famili: Poritidae Gray, 1840

Nama tempatan: Karang jejari / bonggol



Perincian koralit.

Ciri: Koloni boleh membentuk tompokan terumbu yang besar. Cabang berupa selinder yang selalunya bercantum. Bentuk dan ciri koralit adalah berbeza-beza walaupun dalam satu kelompok terumbu yang sama.

Warna: Kelabu suram atau perang.

Spesies mirip: *Porites cylindrica*, yang permukaan cabangnya kelihatan lebih licin.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Porites compressa* di Pulau Payar, Kedah.

Porites cylindrica Dana, 1846

Famili: Poritidae Gray, 1840

Nama tempatan: Karang jejari kuning / bonggol



Koloni kecil *Porites cylindrica* diapit oleh karang lain di Pulau Dodol, Melaka.

Ciri: Koloni berbentuk cabang, kadang kala dengan dasar berkerak. Koralit adalah cetek menjadikan permukaan koloni kelihatan licin. Kebanyakan koloni bersaiz kurang dari 1.5m.

Warna: Krim, kuning, hijau atau biru.

Spesies mirip: *Porites attenuata* dan *P. compressa*.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni besar *Porites cylindrica* di Pulau Serimbun, Melaka.

Porites nigrescens Dana, 1846

Famili: Poritidae Gray, 1840

Nama tempatan: Karang permata



Perincian cabang koloni.

Ciri: Koloni berbentuk cabang, kadang kala dengan dasar berkerak. Korallit cekung menjadikan permukaan cabang kelihatan berlekuk-lekuk. Tentakel sering memanjang pada siang hari.

Warna: Perang atau krim.

Spesies mirip: *Porites cylindrica*; koralitnya kurang cekung dan cabang lebih tebal.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Kedah.

Status Konservasi IUCN: **Rentan.**



Koloni besar *Porites nigrescens* di Pulau Payar, Kedah.

Psammocora contigua (Esper, 1794)

Famili: Psammocoridae Chevalier & Beauvais, 1987

Nama tempatan: Karang kertas pasir bercabang



Ciri: Koloni merupakan gabungan cabang leper, kolum dan nodul yang tidak teratur. Struktur koralit yang halus dan cetek menampakkan permukaan koloni yang licin.

Warna: Perang-kelabu gelap atau pucat.

Spesies mirip: *Psammocora profundacella*, namun bentuknya jelas berbeza.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Negeri Sembilan dan Perak.

Koloni kecil dari Port Dickson yang dikultur di FRI Batu Maung, Pulau Pinang.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni *Psammocora contigua* di Pulau Lalang, Perak.

Goniastrea pectinata (Ehrenberg, 1834)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang nenas / sarang lebah



Perincian koralit koloni di Pulau Lalang, Perak.

Ciri: Koloni separa masif atau berkerak. Koralit berbentuk serioid atau separa meandroid yang lazimnya mempunyai kurang daripada 4 pusat. Dinding adalah tebal. Lobus pali terbentuk dengan baik.

Warna: Perang pucat atau merah jambu.

Spesies mirip: *Goniastrea edwardsi*, yang koralitnya lebih kecil.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Negeri Sembilan, Perak dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.




Koloni besar *Goniastrea pectinata* di Pulau Payar, Kedah.

Lobophyllia agaricia (Milne Edwards & Haime, 1849)

Famili: Lobophylliidae Dai & Horng, 2009

Nama tempatan: Karang otak

Nama asal: *Symphyllia agaricia*



Perincian koloni di Pulau Kaca, Kedah menunjukkan pusat dalam dua barisan.

Ciri: Koloni boleh membulat atau leper. Lurah berliku-liku atau memanjang, dengan lebar 3-4cm, yang lazimnya dipisahkan oleh alur yang sempit. Dinding kelihatan tebal berisi. Septa tebal dan bergigi besar. Pusat boleh berada dalam lebih dari satu barisan.

Warna: Perang, hijau atau kelabu, dengan warna dinding dan lurah yang berbeza.

Spesies mirip: *Lobophyllia radians*.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka, Negeri Sembilan dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Lobophyllia agaricia* di Pulau Lembu, Kedah.

Lobophyllia corymbosa (Forskal, 1775)

Famili: Lobophylliidae Dai & Horng, 2009

Nama tempatan: Karang otak berlobus



Perincian koralit koloni kecil yang dikultur di FRI Batu Maung, Pulau Pinang.

Ciri: Koloni adalah leper atau membulat, lazimnya berbentuk faseloid dengan setiap cabang mempunyai 1-3 pusat. Kaliks yang dalam dengan dinding yang jelas. Septa bergigi panjang dan tumpul.

Warna: Perang kehijauan atau kelabu, dengan pusat berwarna pucat.

Spesies mirip: *Lobophyllia dentata*, yang bentuk septanya seperti ruji.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka dan Negeri Sembilan.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni membulat *Lobophyllia* di Pulau Undan, Melaka.

Lobophyllia hemprichii (Ehrenberg, 1834)

Famili: Lobophylliidae Dai & Horng, 2009

Nama tempatan: Karang otak berlobus



Perincian koralit koloni yang dikultur di FRI Batu Maung, Pulau Pinang.

Ciri: Koloni berbentuk leper atau membulat dengan diameter boleh melebihi 5m. Koloni adalah faseloid dan flabello-meandroid. Septa bergigi panjang dan tajam. Polip yang menguncup adalah tebal dan berisi.

Warna: Merah, perang, hijau atau ungu. Warna mulut ada kalanya berbeza.

Spesies mirip: *Lobophyllia dentata*; septanya lebih menonjol dengan gigi yang ketara.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka, Negeri Sembilan dan Perak.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.




Koloni *Lobophyllia hemprichii* di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Lobophyllia radians (Milne Edwards & Haime, 1849)

Famili: Lobophylliidae Dai & Horng, 2009

Nama tempatan: Karang otak

Nama asal: *Symphyllia radians*



Perincian dinding yang beralur pada koloni di Pulau Payar, Kedah.

Ciri: Koloni adalah membulat atau leper. Lurah dengan kelebaran 2-2.5cm, berbentuk meandroid yang tidak teratur, namun melurus pada koloni leper. Dinding kelihatan berisi dan sederhana tebal, serta lazimnya beralur di bahagian atasnya.

Warna: Merah, kelabu dan hijau, dengan warna berbeza pada dinding dan lurah.

Spesies mirip: *Lobophyllia recta*, yang lurahnya lebih berliku.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Kedah.

Status Komservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni leper *Lobophyllia radians* dengan lurah melurus di Teluk Datai, Langkawi.

Lobophyllia recta (Dana, 1846)

Famili: Lobophylliidae Dai & Horng, 2009

Nama tempatan: Karang otak

Nama asal: *Symphyllia recta*



Perincian lurah koloni di Pulau Payar, Kedah.

Ciri: Koloni adalah membulat atau leper. Lurah sangat berliku dengan lebar purata 12-15mm. Dinding polip adalah sederhana tebal dan berisi, serta lazimnya beralur di bahagian atasnya.

Warna: Perang, kelabu atau hijau, dengan warna berbeza pada dinding dan lurah.

Spesies mirip: *Lobophyllia radians*, yang lurahnya lebih besar dan kurang berliku.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Negeri Sembilan, Perak dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni leper *Lobophyllia recta* di Pulau Pangkor, Perak.

Paragoniastrea australensis (Milne Edwards & Haime, 1857)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang otak

Nama asal: *Goniastrea australensis*



Koloni kecil di Teluk Datai, Langkawi

Ciri: Koloni separa masif, membentuk plet padu atau berkerak. Koloni berbentuk meandroid dengan lurah yang berliku-liku. Pusat kolumela dan lobus pali terbentuk dengan baik.

Warna: Hijau atau perang, dengan warna dinding dan lantai lurah yang berbeza.

Spesies mirip: *Platygyra lamellina*, tetapi pusat kolumelanya tidak jelas.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Negeri Sembilan dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Paragoniastrea australensis* di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Pectinia lactuca (Pallas, 1766)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang selada / salad



Perincian lurah koloni di Pulau Singa Besar, Langkawi.

Ciri: Koloni adalah separa masif atau berbentuk plet tebal, dengan saiz koloni boleh melebihi 1m. Lurah yang memanjang dengan dinding berketinggian hampir sama. Kebanyakan lurah boleh dijejaki dari tengah hingga ke hujung koloni.

Warna: Kelabu, perang atau hijau.

Spesies mirip: *Pectinia maxima*, yang sering membentuk dedaun yang menegak.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka, Negeri Sembilan dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: **Rentan.**



Koloni besar *Pectinia lactuca* di Pulau Undan, Melaka.

Pectinia paeonia (Dana, 1846)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang selada / salad



Perincian koralit koloni kecil yang dikultur di FRI Batu Maung, Pulau Pinang.

Ciri: Koloni tanpa lurah yang panjang, tetapi membentuk rumpun jejalur lamina yang nipis. Kostae membentuk puncak yang menonjol ke atas dan dinding yang rendah. Septa samada licin atau mempunyai gigi yang kecil.

Warna: Perang berbelak, kelabu atau hijau.

Spesies mirip: *Pectinia alcicornis*, yang rangkanya lebih padu dan puncak lebih tinggi.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Negeri Sembilan.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni *Pectinia paeonia* di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Platygyra daedalea (Ellis & Solander, 1786)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang otak / labirin



Perincian permukaan koloni yang dikultur di FRI Batu Maung, Pulau Pinang.


Ciri: Koloni lazimnya masif, meandroid atau separa meandroid, dengan dinding tebal, walaupun tidak setebal *P. lamellina*. Septa menonjol dan kelihatan bergerigi. Kolumela tidak terbentuk dengan baik. Pusat tidak jelas.

Warna: Lazimnya dua warna; dinding perang dan lurah hijau atau kelabu.

Spesies mirip: *Platygyra lamellina*; septanya tersusun rapi dan dinding lebih tebal.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka, Negeri Sembilan dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.




Koloni *Platygyra daedalea* di Pulau Serimbun, Melaka.

Platygyra lamellina (Ehrenberg, 1834)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang otak / labirin



Perincian permukaan koloni di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Ciri: Koloni adalah masif dan meandroid, dengan dinding tebal. Septa menonjol secara sekata, rapi dan bulat. Kolumela terbentuk dengan baik tetapi tanpa pusat yang jelas.

Warna: Perang atau dinding perang dengan lurah kelabu atau hijau.

Spesies mirip: *Platygyra daedalea*, yang dindingnya lebih nipis dan septa bergerigi.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka, Negeri Sembilan dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.




Koloni *Platygyra lamellina* di Pulau Segantang, Kedah.

Platygyra sinensis (Milne Edwards & Haime, 1849)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang otak / labirin



Perincian permukaan koloni di Pulau Undan,
Melaka.

Ciri: Koloni adalah masif atau leper dan meandroid sepenuhnya, dengan dinding nipis. Septa sedikit menonjol dan nipis. Kolumela tidak terbentuk dengan baik dan tiada pusat.

Warna: Pelbagai warna, seperti kuning, perang atau hijau.

Spesies mirip: *Platygyra ryukyuensis*, yang lurahnya lebih kecil.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Platygyra sinensis* di Teluk Datai, Langkawi.

Astraeosmilia maxima (Veron, Pichon & Wijsman-Best, 1977)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang bulan

Nama asal: *Favia maxima*



Permukaan koralit koloni di Pulau Kaca, Kedah.

Ciri: Koloni masif dan lazimnya membulat. Koralit mempunyai dinding yang jelas. Septa menebal pada dinding. Lobus pali yang ketara, membentuk mahkota di sekeliling kolumela. Polip mungkin berisi.

Warna: Perang atau kuning keperangan dengan cakera mulut hijau suram atau putih.

Spesies mirip: *Dipsastraea maritima*; yang koralitnya lebih menonjol dan pali tidak ketara.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni *Astraeosmilia maxima* di Pulau Anak Datai, Langkawi.

Astreopora gracilis Bernard, 1896

Famili: Acroporidae Verrill, 1901

Nama tempatan: Karang bulan



Ciri: Koloni adalah masif, leper atau membulat. Koralit samada tenggelam, berbentuk kon atau tiub dengan saiz yang pelbagai, dan menghadap ke semua arah. Senosteum dilitupi oleh papila yang condong.


Warna: Krim pucat, hijau atau perang.

Spesies mirip: *Astreopora myriophthalma*, yang susunan koralitnya lebih seragam.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.

Koloni kecil yang dikultur secara *in situ* di Pulau Undan, Melaka.



Koloni *Astreopora gracilis* di Pulau Payar, Kedah.

Coelastrea aspera (Verrill, 1866)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang sarang lebah

Nama asal: *Goniastrea aspera*



Perincian permukaan koloni di Teluk Datai, Langkawi.

Ciri: Koloni adalah masif atau berkerak, dan boleh membesar sehingga beberapa meter. Koralit bersegi dan berdinding tebal. Septa panjang dan pendek berselang seli. Lobus pali terbentuk dalam koloni di perairan keruh.

Warna: Perang pucat. Titik tengah koralit lazimnya bewarna krim.

Spesies mirip: *Goniastrea edwardsi*, yang mempunyai koralit lebih kecil.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Coelastrea aspera* di Teluk Datai, Langkawi.

Cyphastrea chalcidicum (Forskål, 1775)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang tombol



Perincian koralit koloni di Pulau Nipis, Perak.

Ciri: Koloni masif atau berkerak, dan boleh membentuk kolum. Koralit tersebar luas dan berbentuk kon. Kostae yang berselang-seli mudah dilihat di bawah air dan dapat dibezakan dengan *Cyphastrea serailia*. Terdapat 12 septa primer.

Warna: Perang seragam, hijau atau krim. Dinding koralit dan kaliks berlainan warna.

Spesies mirip: *Cyphastrea serailia*.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Perak dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Cyphastrea chalcidicum* di Pulau Payar, Kedah.

Cyphastrea microphthalma (Lamarck, 1816)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang tombol



Perincian koralit, menampakkan 10 septa primer.

Ciri: Koloni adalah masif dan membentuk plet berkerak yang nipis di perairan keruh. Koralit panjang dan berbentuk kon. Koralit merapat pada koloni yang terdedah pada cahaya yang banyak, tetapi berjarak pada koloni berkerak. Terdapat 10 septa primer.

Warna: Perang, krim atau hijau. Septa selalunya bewarna putih.

Spesies mirip: *C. microphthalma* boleh dikenal pasti berdasarkan 10 septa primer.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Cyphastrea microphthalma* di Pulau Payar, Kedah.

Cyphastrea serailia (Forskål, 1775)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang tombol



Perincian permukaan koloni di Pulau Lembu, Kedah.

Ciri: Koloni masif dan sering membentuk kolum. Permukaan rata kadangkala membentuk guar (anak bukit). Koralit membulat dan bersaiz sama. Kostae terbentuk dengan baik dan hampir seragam. Terdapat 12 septa primer.

Warna: Kelabu seragam atau berbelak, perang atau krim.

Spesies mirip: *Cyphastrea chalcidicum*, yang mempunyai kostae berselang-seli.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Perak dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Cyphastrea serailia* di Pulau Payung, Perak.

Diploastrea heliopora (Lamarck, 1816)

Famili: Diploastraeidae Chevalier & Beauvais, 1987

Nama tempatan: Karang bulan



Perincian koralit koloni di Pulau Payar, Kedah.

Ciri: Koloni berbentuk kubah dengan permukaan yang sekata. Saiznya mencecah 2m tinggi dan 5m lebar. Koralit berupa kon rendah dengan dinding yang tebal. Septa bersaiz sama dengan kolumela yang besar. Tentakel memanjang di malam hari sahaja.

Warna: Krim seragam, kelabu, atau hijau.

Spesies mirip: Tiada. Antara spesies karang yang paling mudah untuk dikenalpasti.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Negeri Sembilan, Perak dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni *Diploastrea heliopora* di Pulau Nipis, Perak.

Dipsastraea favus (Forskål, 1775)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang bulan

Nama asal: *Favia favus*



Koloni kecil yang dikultur di FRI Batu Maung, Pulau Pinang.



Perincian koralit koloni di Pulau Payar, Kedah.

Ciri: Koloni adalah masif, membulat atau leper. Koralit adalah plokoid berbentuk kon. Septa kurang teratur dan ada penjarakan. Lobus pali tidak terbentuk dengan baik.

Warna: Pelbagai warna, lazimnya berbelak. Kaliks kadangkala bewarna pucat.

Spesies mirip: *Dipsastraea speciosa*, yang mempunyai koralit lebih kecil dan padat.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni besar di Pulau Anak Datai, Langkawi.

Dipsastraea maritima (Nemanzo, 1971)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang bulan

Nama asal: *Favia maritima*



Perincian koralit koloni yang dikultur di FRI Batu Maung, Pulau Pinang.

Ciri: Koloni masif dan lazimnya membulat. Koralit adalah plokoid dan menonjol keluar. Septa rapat, seragam dan banyak. Lobus pali tiada atau tidak terbentuk dengan baik.

Warna: Perang gelap atau hijau. Cakera mulut adakalanya lebih pucat.

Spesies mirip: *Astraeosmilia maxima*, yang saiz koralitnya lebih besar.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Negeri Sembilan.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni *Dipsastraea maritima* di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Dipsastraea speciosa (Dana, 1846)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang bulan

Nama asal: *Favia speciosa*



Perincian kolarit koloni yang dikultur di FRI Batu Maung, Pulau Pinang.

Ciri: Koloni adalah masif, leper atau membulat. Korallit bulat, tersusun padat di perairan cetek tetapi berjarak di perairan dalam. Septa halus, banyak dan sekata. Lobus pali tidak terbentuk dengan baik.

Warna: Kelabu pucat, hijau atau perang, dengan kaliks yang berbeza warna.

Spesies mirip: *Dipsastraea pallida* dan *Dipsastraea truncata*.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka, Negeri Sembilan, Perak dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni besar di Pulau Undan, Melaka.



Koloni besar di Teluk Datai, Langkawi.

Favites abdita (Ellis & Solander, 1786)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang nenas / bintang besar



Perincian koralit dengan tentakel memanjang di FRI Batu Maung, Pulau Pinang.


Ciri: Koloni adalah masif, membulat dan sering membentuk anak bukit. Saiz koloni boleh melebihi 1m. Koralit membulat dengan dinding tebal yang dikongsi bersama koralit lain. Septa lurus dengan gigi menonjol. Lobus pali tiada.

Warna: Perang pucat, dengan cakera mulut hijau atau perang.

Spesies mirip: *Favites halicora*, yang dindingnya lebih tebal dan pali mungkin ujud.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka, Negeri Sembilan dan Perak.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.




Koloni *Favites abdita* di Pulau Undan, Melaka.

Favites complanata (Ehrenberg, 1834)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang nenas / bintang besar



Perincian koralit koloni di Port Dickson, menunjukkan corak bintang tiga.

Ciri: Koloni masif. Koralit agak bersegi dengan dinding tebal dan membulat. Lobus pali kurang terbentuk. Kolumela besar. Gigi septa nampak ketara. Kostae biasanya membentuk corak bintang tiga apabila tiga koralit bercantum.

Warna: Perang atau kelabu-hijau, dengan cakera mulut bewarna kelabu atau hijau.

Spesies mirip: *Favites abdita*, yang koralitnya lebih bersegi dan tiada corak bintang tiga.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka dan Negeri Sembilan.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni *Favites complanata* di Pulau Undan, Melaka.

Favites halicora (Ehrenberg, 1834)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang nenas



Perincian koralit koloni di Pulau Payar, Kedah, menampakkan lobus pali.


Ciri: Koloni masif, beralun, bergumpul atau berbukit. Koralit dengan dinding sangat tebal dan boleh menjadi separa plokoid. Koralit agak bersegi. Lobus pali boleh ujud.

Warna: Kuning pucat yang seragam atau perang-kehijauan.

Spesies mirip: *Favites abdita*; koralitnya lebih bersegi dan tiada lobus pali.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka, Negeri Sembilan dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni besar *Favites halicora* di Pulau Serimbun, Melaka.

Favites pentagona (Esper, 1794)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang nenas / bintang besar



Perincian koralit koloni di Pulau Saga, Perak, menampakkan mahkota pali.

Ciri: Koloni separa masif atau berkerak, dan boleh membentuk kolum yang tidak teratur. Saiz koloni sering melebihi 1m. Dinding koralit nipis dan bersegi. Septa berjarak-jarak. Lobus pali ujud dan sering membentuk mahkota.

Warna: Perang atau merah, selalunya dengan cakera mulut berwarna hijau.

Spesies mirip: Keujudan mahkota pali menampakkan spesies ini seperti *Goniastrea*.

Taburan di Selat Melaka: Spesies *Favites* yang paling lazim ditemui di Selat Melaka.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.




Koloni berkerak *Favites pentagona* di Pulau Segantang, Kedah.

Galaxea fascicularis (Linnaeus, 1767)

Famili: Euphylliidae Milne Edwards & Haime, 1857

Nama tempatan: Karang galaksi / durian



Perincian koralit koloni yang dikultur di FRI Batu Maung, Pulau Pinang.



Koloni berbentuk kolum di Pulau Serimbun, Melaka.

Ciri: Koloni kecil berbentuk kusyen atau kubah yang rendah. Koloni besar berbentuk masif atau kolum, dan boleh melebihi 5m lebar. Koralit dengan pelbagai saiz dengan diameter tidak melebihi 1 cm. Septa menuju ke pusat koralit. Tentakel memanjang pada siang hari.

Warna: Hijau, kelabu, merah atau perang. Hujung tentakel selalunya bewarna putih.

Spesies mirip: *Galaxea astreata*, yang saiz koralitnya lebih kecil (<0.5 cm).

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka, Negeri Sembilan dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni di Pulau Songsong, Kedah, menampakkan bentuk skeletalnya.

Goniastrea edwardsi Chevalier, 1971

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang sarang lebah



Ciri: Koloni adalah masif, membulat atau membentuk kolum, dengan saiz sering melebihi 1m. Korallit hanya sedikit bersegi dengan dinding yang tebal. Panjang septa tidak seragam. Lobus pali yang tebal.

Warna: Krim atau perang. Pusat kadang kala bewarna jingga.

Spesies mirip: *Goniastrea retiformis*, yang dindingnya lebih nipis dan korallit lebih bersegi.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Perak dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.

Perincian korallit koloni di Pulau Segantang, Kedah, menampakkan lobus pali yang tebal.



Koloni besar *Goniastrea edwardsi* di Pulau Lalang, Perak.

Goniastrea retiformis (Lamarck, 1816)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang sarang lebah



Koloni kecil dari Port Dickson yang dikultur di FRI Batu Maung.

Ciri: Koloni berbentuk masif, kubah atau leper. Lebar koloni boleh melebihi 1m. Korallit bersegi empat hingga enam. Septa panjang berselang seli dengan yang pendek. Lobus pali yang nipis terbentuk dengan baik.

Warna: Krim sekata atau perang pucat. Adakalanya perang atau hijau.

Spesies mirip: *Goniastrea edwardsi*, yang dinding dan septanya lebih tebal.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Negeri Sembilan dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Goniastrea retiformis* di Teluk Datai, Langkawi.

Hydnophora exesa (Pallas, 1766)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang duri / tanduk



Koloni dengan tentakel separa memanjang di Pulau Segantang, Kedah.


Ciri: Koloni adalah separa masif, berkerak, atau separa bercabang atau mempunyai semua kombinasi tersebut. Montikul ([hydnoaphore](#)) berdiameter 5-8 mm. Tentakel sering memanjang dengan saiz seragam.

Warna: Krim atau hijau suram.

Spesies mirip: *Hydnophora microconos*, yang masif dengan saiz montikul lebih kecil.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka, dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni *Hydnophora exesa* di Pulau Kaca, Kedah.

Hydnophora microconos (Lamarck, 1816)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang duri / tanduk



Perincian polip koloni di Pulau Rumbia, Perak.

Bentuk: Koloni adalah masif dan membulat. Montikul kecil berbentuk kon yang seragam berdiameter 2-3mm, yang kelihatan seperti duri. Polip tidak berkembang pada siang hari.

Warna: Krim suram, perang atau hijau.

Spesies mirip: *Hydnophora exesa*, yang saiz montikulnya lebih besar.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Perak dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni *Hydnophora microconos* di Pulau Payar, Kedah

Hydnophora pilosa Veron, 1985

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang duri / tanduk



Hujung cabang dengan tentakel memanjang di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Ciri: Koloni masif, separa masif atau berkerak, dan boleh membulat dengan cabang yang pendek. Montikul membulat dan rendah, tetapi kadangkala tidak jelas terbentuk. Tentakel sentiasa berjumbai dengan panjang seragam.

Warna: Perang gelap atau biru-kelabu. Hujung tentakel bewarna putih.

Spesies mirip: *Hydnophora exesa*; bentuk cabangnya lebih jelas dan montikul menonjol.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Negeri Sembilan dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Hydnophora pilosa* di Pulau Pasir, Langkawi.

Leptastrea purpurea (Dana, 1846)

Famili: Leptastreidae Rowlett, 2020

Nama tempatan: Karang kerak

Nama asal: *Leptastrea pruinosa*



Perincian koralit koloni di Pulau Payar, Kedah.

Ciri: Koloni umumnya leper dengan koralit seriod yang bersegi. Septa rapat dan mempunyai sisi yang berbintil. Kolumela kecil. Tentakel sering memanjang pada siang hari.

Warna: Perang coklat atau merah jambu dengan kaliks bewarna hijau atau krim.

Spesies mirip: *Leptastrea transversa*, yang koralitnya bersaiz seragam dan septa berjarak.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.




Koloni *Leptastrea purpurea* di Pulau Payar, Kedah menampakkan tentakelnya

Leptastrea transversa Klunzinger, 1879

Famili: Leptastreidae Rowlett, 2020

Nama tempatan: Karang kerak



Perincian permukaan koloni di Pulau Segantang, Kedah.

Ciri: Koloni lazimnya leper dengan koralit seriod yang bersegi. Septa berjarak-jarak dan menjunam ke arah kolumela yang bersaiz kecil. Septa boleh bercantum atau berselang-seli dengan septa koralit bersebelahan.

Warna: Kelabu, hijau atau kuning.

Spesies mirip: *Leptastrea purpurea*, yang dapat dibezakan oleh susunan septanya dan tentakel yang memanjang pada siang hari.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Perak dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Leptastrea transversa* di Pulau Payar, Kedah

Pavona decussata (Dana, 1846)

Famili: Agariciidae Gray, 1847

Nama tempatan: Karang daun



Koloni kecil di Pulau Pasir, Langkawi.


Ciri: Koloni boleh berbentuk plet dwi-muka yang tebal dan bersambungan, atau separa masif dengan atau tanpa sisi mendatar yang berlobus dan plet yang menegak. Korallit tidak teratur, tanpa dinding, dan adakalanya tersusun selari dengan garisan sisi.

Warna: Perang, kuning-krim atau kehijauan.

Spesies mirip: Koloni yang terbantut boleh menyerupai *Pavona danai* dan *P. frondifera*.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka, Negeri Sembilan, Perak dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: **Rentan.**



Koloni besar *Pavona decussata* di Pulau Serimbun, Melaka.

Plesiastrea versipora (Lamarck, 1816)

Famili: Plesiastreidae Dai & Horng, 2009

Nama tempatan: Karang tombol kecil / kulit bopeng



Perincian koralit koloni di Pulau Payung, Perak.

Ciri: Koloni adalah masif, leper dan sering kali berlobus. Koralit berbentuk plokoid yang bulat dengan diameter 2-4mm. Lobus pali membentuk lingkaran di sekeliling kolumela yang kecil. Tentakel yang pendek kadang kala kelihatan pada siang hari.

Warna: Kuning, krim, hijau atau perang.

Spesies mirip: *Astrea rotulosa*, yang septanya lebih sedikit dan pali tidak ketara.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Perak dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Plesiastrea versipora* di Teluk Datai, Langkawi.

Porites evermanni Vaughan, 1907

Famili: Poritidae Gray, 1840

Nama tempatan: Karang tiang



Hujung kolum koloni di Pulau Payar, Kedah.

Ciri: Koloni adalah masif dan selalunya membentuk kolum. Di bawah air, bentuk tumbesaran boleh menjadi ketara. Tentakel selalunya memanjang di siang hari.

Warna: Kuning-mustard, kadangkala perang. Hujung kolum selalunya lebih cerah.

Spesies mirip: Mudah dikenalpasti dengan polip yang memanjang dan kelihatan berbulu.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Kurang informasi.



Koloni *Porites evermanni* di Pulau Undan, Melaka.

Porites lobata Dana, 1846

Famili: Poritidae Gray, 1840

Nama tempatan: Karang tongkol / lobus



Permukaan koloni *Porites lobata* di Pulau Payar, Kedah.

Ciri: Koloni lazimnya membulat atau berbentuk topi keledar dan saiznya boleh melebihi 4m. Ia boleh membentuk mikro-atol di zon pasang-surut. Dinding koralit dengan pelbagai saiz. Di bawah air, koralit dilihat lebih terbuka berbanding *Porites lutea*. Permukaan koloni selalunya berlobus atau berbintil licin.

Warna: Krim atau perang pucat. Boleh bewarna ungu atau hijau di perairan cetek.

Spesies mirip: *Porites lutea*.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Perak dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni kecil bewarna ungu di Teluk Datai, Langkawi.




Koloni besar di Pulau Nipis, Perak.

Porites lutea Milne Edwards & Haime, 1851

Famili: Poritidae Gray, 1840

Nama tempatan: Karang tongkol



Perincian permukaan koloni di Pulau Buluh, Perak.

Ciri: Koloni lazimnya membulat atau berbentuk topi keledar dan lebarnya boleh melebihi 2m. Ia boleh membentuk mikro-atol di zon pasang-surut. Koralit berdinding nipis. Di bawah air, koralit dilihat lebih berkerangka berbanding *P. lobata*. Permukaan koloni selalunya licin dengan lobus yang kecil.

Warna: Krim, hijau-kekuningan atau kelabu.

Spesies mirip: *Porites lobata*.

Taburan di Selat Melaka: Spesies *Porites* yang paling lazim ditemui di Selat Melaka.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Porites lutea* di Pulau Serimbun, Melaka.

Porites rus (Forskål, 1775)

Famili: Poritidae Gray, 1840

Nama tempatan: Karang bonggol



Perincian hujung cabang koloni di Pulau Lalang, Perak.


Ciri: Koloni adalah separa masif, berkerak atau membentuk jalinan cabang yang berkerunyut. Lebar koloni lazimnya melebihi 5m. Susunan koralit tidak teratur, selalunya berkumpul yang dipisahkan oleh rabung.

Warna: Krim pucat, kuning atau perang-kebiruan. Hujung cabang bewarna pucat.

Spesies mirip: *Porites monticulosa*, yang lebih berbentuk masif atau plet.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka, Perak dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Porites rus* di Pulau Undan, Melaka.

Psammocora nierstraszi Van der Horst, 1921

Famili: Psammocoridae Chevalier & Beauvais, 1987

Nama tempatan: Karang kertas pasir



Perincian permukaan koloni di Teluk Datai, Langkawi, menampakkan septa primer.


Ciri: Koloni adalah masif atau berkerak. Koloni membentuk lurah yang sangat berliku dengan dinding yang curam. Korallit tersebar secara tidak teratur dan tidak mengikut lurah. Septa primer menonjol keluar sehingga menampakkan permukaan koloni yang kasar.

Warna: Kelabu, perang atau krim.

Spesies mirip: *Psammocora profundacella*, namun septa primernya tidak menonjol.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.




Koloni *Psammocora nierstraszi* di Pulau Payar, Kedah.

Psammocora profundacella Gardiner, 1898

Famili: Psammocoridae Chevalier & Beauvais, 1987

Nama tempatan: Karang kertas pasir



Perincian permukaan koloni, menampakkan pusat koralit.

Ciri: Koloni adalah separa masif atau berkerak. Koralit berada dalam lurah yang pendek. Dinding membulat. Rabung pusat boleh terbentuk. Septa-kostae lazimnya pendek dan kurang petaloid berbanding spesies *Psammocora* yang lain.

Warna: Kelabu, perang atau krim. Pusat koralit sering bewarna gelap.

Spesies mirip: *Psammocora haimiana*, yang pusat koralitnya kurang jelas.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Perak.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.




Koloni *Psammocora profundacella* di Pulau Agas, Perak.

Duncanopsammia peltata (Esper, 1790)

Famili: Dendrophylliidae Gray, 1847

Nama tempatan: Karang pagoda / cakera

Nama asal: *Turbinaria peltata*



Koloni kecil dari Port Dickson yang dikultur di FRI Batu Maung, Pulau Pinang.



Koloni di Pulau Undan, Melaka.

Ciri: Koloni merupakan plet leper yang sering membentuk tingkat yang bertindan. Kadangkala membentuk kolom. Korallit terbenam atau berupa tiub dengan purata diameter 6mm. Polip adalah besar dan tentakel sering memanjang di siang hari.

Warna: Kelabu terang atau perang muda.

Spesies mirip: *Turbinaria patula*, yang koralitnya berbentuk tiub panjang.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka, Negeri Sembilan, Perak dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: **Rentan.**




Perincian polip di Pulau Batu Putih, Perak.

Echinophyllia aspera (Eillis & Solander, 1786)

Famili: Lobophylliidae Dai & Horng, 2009

Nama tempatan: Karang selada leper



Perincian koralit koloni di Pulau Payar, Kedah.

Ciri: Koloni membentuk sebahagian atau sepenuhnya lapisan berkerak. Tengah koloni boleh berbentuk bonggol atau separa masif. Tepi koloni boleh berkerunyt, berpusing atau bertingkat. Koralit bergigi. Lobus pali tiada.

Warna: Perang, hijau atau merah. Cakera mulut merah atau hijau. Lazimnya berbelak.

Spesies mirip: *Echinophyllia patula*, yang koralitnya lebih besar dan berjarak-jarak.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Negeri Sembilan dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni kecil *Echinophyllia aspera* yang dikultur di FRI Batu Maung, Pulau Pinang.

Echinophyllia orpheensis Veron & Pichon, 1980

Famili: Lobophylliidae Dai & Horng, 2009

Nama tempatan: Karang selada leper



Perincian koralit dengan kosta bermanik koloni di Pulau Anak Datai, Langkawi.


Ciri: Koloni adalah berkerak, meleper dan boleh menjadi separa masif. Koralit menonjol keluar kecuali di bahagian tepi. Kosta tebal dan bermanik. Lobus pali terbentuk dengan baik.

Warna: Krim, perang kemerahan, hijau. Kadangkala cakera mulut berwarna hijau.

Spesies mirip: *Echinophyllia aspera*, yang kostaenya tidak bermanik.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Negeri Sembilan dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Echinophyllia orpheensis* di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Echinopora lamellosa (Esper, 1791)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang landak



Koloni di Pulau Dodol, Melaka yang membentuk tiub menegak.

Ciri: Koloni berbentuk lamina nipis yang berpusar atau bertingkat. Lebar kadangkala melebihi 5m. Korallit kecil (diameter 3-4mm) dan berdinding nipis. Kolumela kecil dan padat. Lobus pali terbentuk dengan baik.

Warna: Perang, kelabu atau hijau. Kaliks sering bewarna hijau atau perang tua.

Spesies mirip: *Echinopora gemmacea*, yang kolumelanya besar dan pali kurang terbentuk.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Echinopora lamellosa* di Pulau Payar, Kedah.

Lithophyllon undulatum Rehberg, 1892

Famili: Fungiidae Dana, 1846

Nama tempatan: Karang daun batu



Perincian permukaan koloni di Teluk Datai, Langkawi.


Ciri: Koloni berkerak atau berbentuk lamina leper dengan tepi berlobus. Koloni lazimnya tiada koralit pusat, kecuali pada koloni yang masih muda. Septa-kostae nipis dan menonjol.

Warna: Kelabu, biru, perang atau hijau. Cakera mulut berwarna kelabu-biru.

Spesies mirip: *Lithophyllon lobata*, yang koralitnya yang lebih besar.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni *Lithophyllon undulatum* di Pulau Serimbun, Melaka.

Merulina ampliata (Ellis & Solander, 1786)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang ropol / kerak ranggup



Koloni kecil dari Port Dickson yang dikultur di FRI Batu Maung, Pulau Pinang.

Ciri: Koloni membentuk lamina atau separa bercabang, atau kedua-duanya. Lurah pendek dan lurus, memperlihatkan bentuk kipas. Lurah seperti jejari dari pusat koloni pada permukaan leper, tetapi berkerunyt pada bahagian cabang.

Warna: Perang atau hijau-kebiruan. Tepi koloni bewarna krim.

Spesies mirip: *Merulina scabricula*, yang mempunyai struktur rangka lebih halus.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka, Negeri Sembilan dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni besar di Pulau Serimbun, Melaka.



Perincian hujung koloni di Teluk Datai, Langkawi.

Montipora aequituberculata Bernard, 1897

Famili: Acroporidae Verrill, 1901

Nama tempatan: Karang liang berkerak



Perincian koralit yang dikelilingi oleh papila berbentuk tiub (*thecal*).

Ciri: Koloni berkerak atau berbentuk lamina satu muka yang nipis dan tersusun dalam pusaran condong yang bertindanan, serta ada kalanya membentuk tiub. Koralit dikelilingi oleh papila “*thecal*” yang sering bergabung menjadi rabung pendek berhampiran sisi koloni.

Warna: Perang seragam, krim atau ungu. Sisi koloni bewarna pucat.

Spesies mirip: *Montipora crassituberculata*; koralitnya lebih besar dan lebih banyak papila.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Perak.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Montipora aequituberculata* di Pulau Rumbia, Perak.

Montipora danae Milne Edwards & Haime, 1851

Famili: Acroporidae Verrill, 1901

Nama tempatan: Karang liang



Perincian koralit yang dikelilingi oleh veruka.

Ciri: Koloni separa masif atau membentuk kolum atau plet dengan permukaan dilitupi dengan veruka/kutil yang berbentuk kubah atau sebahagiannya bercantum membentuk rabung. Koralit adalah kecil, terbenam dan berselerakan di antara veruka.

Warna: Perang pucat dengan tepi lebih pudar. Polip sering bewarna lebih terang.

Spesies mirip: *Montipora verrucosa*, yang koralitnya lebih terbuka dan besar.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Perak.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.




Koloni *Montipora danae* di Pulau Rumbia, Perak.

Montipora hispida (Dana, 1846)

Famili: Acroporidae Verrill, 1901

Nama tempatan: Karang liang



Perincian hujung koloni di Pulau Payar, Kedah.


Ciri: Koloni berbentuk separa masif, lamina, kolum, jejari atau campuran bentuk tersebut. Bentuk lamina dan jejari lazim ditemui di perairan keruh. Korallit sama ada tenggelam atau menonjol bersama papila “**thecal**”. Polip sering memanjang pada siang hari.

Warna: Perang pucat ke perang-kehijauan. Polip selalunya bewarna putih.

Spesies mirip: *Montipora cactus*; korallitnya kurang menonjol dan tanpa papila “**thecal**”.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka, Perak dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Montipora hispida* berbentuk lamina dan jejari di Pulau Nipis, Perak.

Montipora turtlensis Veron & Wallace, 1984

Famili: Acroporidae Verrill, 1901

Nama tempatan: Karang liang



Perincian permukaan koloni berkerak.


Ciri: Koloni lazimnya berkerak, plet atau separa masif, dengan pembentukan nodul di tengah koloni. Korallit bersesak-sesak dan tenggelam. Papila senosteum dan “**thecal**” tidak terbentuk dengan baik.

Warna: Perang tua, hijau atau biru. Hujung koloni dan nodul boleh bewarna krim.

Spesies mirip: *Montipora peltiformis* dan *M. grisea*, yang papilanya jelas terbentuk.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka.

Status Konservasi IUCN: **Rentan.**




Koloni *Montipora turtlensis* di Pulau Serimbun, Melaka.

Montipora verrucosa (Lamarck, 1816)

Famili: Acroporidae Verrill, 1901

Nama tempatan: Karang beras



Perincian permukaan koloni.

Ciri: Koloni adalah berkerak, separa masif, membentuk kolum atau lamina. Permukaan koloni dilitupi dengan veruka yang besar dan membulat. Korallit tenggelam di antara veruka. Tentakel memanjang di siang hari.

Warna: Perang-kehijauan atau biru. Tentakel bewarna hijau atau biru terang.

Spesies mirip: *Montipora danae*, yang mempunyai korallit dan veruka lebih kecil.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Montipora verrucosa* di Pulau Payar, Kedah.

Mycedium elephantotus (Pallas, 1766)

Famili: Merulinidae Verrill, 1865

Nama tempatan: Karang hidung gajah



Perincian koralit koloni di Pulau Nipis, Perak.

Ciri: Koloni berbentuk lamina atau berkerak. Koralit berbentuk hidung yang condong ke arah hujung koloni. Septa dan kolumela terbentuk dengan baik. Kostae membentuk rabung yang berserenjang dengan hujung koloni. Tentakel memanjang di waktu malam.

Warna: Perang, kelabu atau hijau. Cakera mulut bewarna hijau, putih atau merah.

Spesies mirip: *Mycedium robokaki*, yang koralitnya lebih kecil.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Perak dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Mycedium elephantotus* di Teluk Datai, Langkawi.

Oulastrea crispata (Lamarck, 1816)

Famili: Oulastreidae Vaughan, 1919
Nama tempatan: Karang kuda belang



Perincian rangka koloni di FRI Batu Maung.

Ciri: Koloni berkerak yang melebar hanya beberapa sentimeter. Korallit adalah plokoid, bersaiz seragam dan rapat. Septa panjang dan pendek berselang seli. Lobus pali terbentuk dengan baik.

Warna: Hitam dengan jalur tisu putih di atas septa yang sangat ketara di bawah air. Rangka kering juga bewarna hitam dan putih.

Spesies mirip: Tiada. Ia mudah dikenal pasti.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Pulau Pinang dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Oulastrea crispata* di Pulau Lembu, Kedah.

Pachyseris gemmae Nemenzo, 1955

Famili: Scleractinia incertae sedis

Nama tempatan: Karang ular



Perincian permukaan koloni di Pulau Pasir, Langkawi.

Ciri: Koloni mempunyai lapisan dwi-muka yang menegak dan mendatar, dengan permukaan berlipat yang tidak teratur. Lurah selari di hujung koloni. “Colline” berombak. Kolumela bercantum dengan septa-kostae.

Warna: Perang.

Spesies mirip: Bentuknya seperti perantaraan di antara *Pachyseris rugosa* dan *P. speciosa*.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni besar *Pachyseris gemmae* di Pulau Pasir, Langkawi.

Pachyseris rugosa (Lamarck, 1801)

Famili: Scleractinia incertae sedis
Nama tempatan: Karang kulit gajah



Perincian permukaan koloni di Pulau Payar,
Kedah.


Ciri: Koloni berbentuk plet dwi-muka yang bercantum, menegak, tidak teratur dan sering berkerunyut. Lebar koloni lazimnya melebihi 1m. Permukaan mempunyai rabung yang berselirat. Kolumela berlobus seperti dinding.

Warna: Perang, kelabu, biru atau hijau.

Spesies mirip: *Pachyseris gemmae*, yang mempunyai kolumela yang serupa.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka, Negeri Sembilan dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: **Rentan.**



Koloni besar *Pachyseris rugosa* di Pulau Serimbun, Melaka.

Pachyseris speciosa (Dana, 1846)

Famili: Scleractinia incertae sedis

Nama tempatan: Karang piring hitam / plet bergelang



Ciri: Koloni berbentuk lamina satu-muka yang mendatar, kadangkala membentuk rabung menegak. Lebih dari satu barisan koralit boleh ujud di antara rabung. Kolumela tidak ujud.

Warna: Perang muda ke kelabu tua. Hujung koloni bewarna pucat.

Spesies mirip: Ciri satu-muka membezakan spesies ini dari *P. gemmae* dan *P. rugosa*.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka dan Negeri Sembilan.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.

Koloni kecil yang dikultur di FRI Batu Maung, Pulau Pinang.



Koloni besar *Pachyseris speciosa* di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Pavona explanulata (Lamarck, 1816)

Famili: Agariciidae Gray, 1847

Nama tempatan: Karang daun / merak



Koralit dengan tentakel separa memanjang di Pulau Payar, Kedah.

Ciri: Koloni adalah berkerak atau lamina satu-muka, kadangkala berbentuk separa masif atau kolum. Koralit lazimnya membulat dan berjarak-jarak, dengan kolumela seperti tiang dan septa-kostae licin yang berselang-seli. Tentakel separa memanjang, menampakkan koloni seperti berduri.

Warna: Kelabu, perang, ungu, hijau, kuning.

Spesies mirip: *Pavona gigantea*, yang berbentuk masif.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Pavona explanulata* di Pulau Segantang, Kedah.

Pavona frondifera (Lamarck, 1816)

Famili: Agariciidae Gray, 1847

Nama tempatan: Karang daun



Koloni di Pulau Payar, Kedah.


Ciri: Koloni membentuk plet nipis atau dedaun berkerunyt dengan dasar yang sempit, yang terbahagi tanpa aturan. Plet lazimnya mempunyai rabung yang serupa dengan dedaun. Koralit tersusun di dalam lurah cetek secara selari dengan sisi koloni.

Warna: Perang pucat atau gelap.

Spesies mirip: *Pavona danai*, yang koralitnya tersusun secara menegak.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni besar *Pavona frondifera* di Pulau Dodol, Melaka.

Podabacia crustacea (Pallas, 1766)

Famili: Fungiidae Dana, 1846

Nama tempatan: Karang piring / braket



Koloni kecil yang dikultur di FRI Batu Maung, Pulau Pinang.

Ciri: Koloni melekat, berkerak atau berbentuk lamina satu-muka, kadangkala membentuk tingkat. Korallit pusat kadangkala dapat dilihat. Korallit pinggiran menonjol keluar dan condong ke arah hujung plet.

Warna: Sawo matang atau perang gelap, dengan sisi koloni bewarna pucat.

Spesies mirip: Septa-kostae mirip *Sandalolitha robusta*, tetapi ia tidak melekat pada substrat.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka, Negeri Sembilan dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni besar *Podabacia crustacea* di Pulau Serimbun, Melaka.

Podabacia lankaensis Veron, 2000

Famili: Fungiidae Dana, 1846

Nama tempatan: Karang cendawan melekat



Perincian permukaan koloni di Pulau Segantang, Kedah.

Ciri: Koloni samada sedikit melekat atau hidup bebas, berkerak atau berbentuk lamina, satu-muka, dengan sisi berlobus tanpa aturan dan permukaan yang berkerenyut. Koralit pusat tiada. Koralit pinggir mencondong ke hujung plet. Septa-kostae mirip karang *Halomitra*.

Warna: Perang-kelabu dengan sisi putih.

Spesies mirip: *Podabacia motuporensis*, yang koralitnya lebih besar dan seragam.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.




Koloni *Podabacia lankaensis* di Pulau Payar, Kedah.

Porites lichen (Dana, 1846)

Famili: Poritidae Gray, 1840

Nama tempatan: Karang plet kuning



Permukaan hujung koloni di Port Dickson, Negeri Sembilan.


Ciri: Koloni berbentuk plet atau lamina leper, dan kadangkala membentuk nodul dan kolum. Koloni boleh melebar sehingga 3-4m. Korallit membulat, tersusun tanpa aturan, yang dipisahkan oleh rabung kecil.

Warna: Hijau-kekuningan atau perang pucat.

Spesies mirip: *Porites annae*, namun bentuk tumbesarannya berbeza dan korallit lebih kecil.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Negeri Sembilan dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Porites lichen* di Pulau Segantang, Kedah.

Turbinaria frondens (Dana, 1846)

Famili: Dendrophylliidae Gray, 1847

Nama tempatan: Karang cawan kuning



Permukaan hujung koloni di Pulau Nipis, Perak.

Ciri: Koloni yang kecil berbentuk cawan. Koloni besar berbentuk pasu atau daun lebar satu-muka, yang menegak atau mendatar atau berkerunyut tanpa aturan. Koralit samada tenggelam atau memanjang seperti tiub, dan condong ke arah hujung koloni, dengan diameter purata 3.5mm.

Warna: Perang, hijau gelap atau kekuningan

Spesies mirip: *T. patula*; koralitnya lebih besar. *T. mesenterina*; koralitnya lebih kecil.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka, Perak dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni plet berkerunyut *Turbinaria frondens* di Teluk Datai, Langkawi.

Turbinaria mesenterina (Lamarck, 1816)

Famili: Dendrophylliidae Gray, 1847

Nama tempatan: Karang pasu



Perincian koralit koloni di Teluk Datai, Langkawi.

Ciri: Koloni berbentuk lamina satu-muka yang berkerunyut, atau bertingkat, atau menegak, ataupun mendatar, bergantung kepada kepadatan cahaya. Koralit berapat-rapat, agak menonjol, dengan diameter purata 2.5mm.

Warna: Hijau-kelabu atau perang-kelabu.

Spesies mirip: *Turbinaria reniformis*, yang koralitnya lebih tenggelam dan berjarak-jarak.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: **Rentan.**




Koloni *Turbinaria mesenterina* di Pulau Songsong, Kedah.

Turbinaria reniformis Bernard, 1896

Famili: Dendrophylliidae Gray, 1847

Nama tempatan: Karang gulung kuning / pasu



Perincian permukaan hujung koloni di Pulau Lalang, Perak.

Ciri: Koloni berbentuk plet satu-muka yang mendatar, adakalanya bertingkat. Koloni boleh melebihi kelebaran 2m. Koralit berjarak-jarak, berdinding tebal, tenggelam atau berbentuk kon, dengan diameter purata 2.5mm.

Warna: Kuning-hijau atau kelabu. Hujung koloni dengan warna berbeza.

Spesies mirip: *Turbinaria mesenterina*, yang koralitnya lebih menonjol dan berapat-rapat.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Negeri Sembilan, Perak dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: **Rentan.**



Koloni bertingkat *Turbinaria reniformis* di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Fungia fungites (Linnaeus, 1758)

Famili: Fungiidae Dana, 1846

Nama tempatan: Karang cendawan



Perincian permukaan polip tunggal di Pulau Buluh, Perak.

Ciri: Polip kebanyakannya membulat dan mencapai diameter 28cm. Septa berjarak-jarak dengan gigi bersegi tiga, tajam, dan sering mempunyai tetulang tengah yang terbentuk dengan baik. Lobus tentakel mungkin ujud.

Warna: Perang, ada kalanya berbelak-belak. Lobus tentakel bewarna pucat.

Spesies mirip: *Lithophyllon repanda*, yang mempunyai gigi septa lebih halus.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Negeri Sembilan, Perak dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni *Fungia fungites* yang dikultur di FRI Batu Maung, Pulau Pinang.

Lithophyllon repanda (Dana, 1846)

Famili: Fungiidae Dana, 1846

Nama tempatan: Karang cendawan

Nama asal: *Fungia repanda*



Perincian septa dengan tentakel memanjang

Ciri: Polip membulat, tebal, berdiameter mencecah 30cm, dengan permukaan leper atau melengkung. Septa rapat dan berjarak hampir sama pada hujung polip. Gigi septa halus namun masih kelihatan. Lobus tentakel tiada. Tentakel boleh separa memanjang pada siang hari.

Warna: Perang ke keunguan. Tentakel bewarna pucat.

Spesies mirip: *Fungia fungites*, yang mempunyai gigi septa bersegi tiga dan tajam.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Polip tunggal *Lithophyllon repanda* di Pulau Lembu, Kedah.

Pleuractis moluccensis (Van der Horst, 1919)

Famili: Fungiidae Dana, 1846

Nama tempatan: Karang cendawan

Nama asal: *Fungia moluccensis*



Perincian permukaan polip

Ciri: Polip kadangkala melekat atau berkerak pada substrat. Spesies lazimnya berkerenyut. Bahagian tengah polip sangat melengkung. Mulut sekunder kadangkala terbentuk. Kostae tidak teratur. Kesan lekatan selalunya ketara.

Warna: Perang, krim atau berbelak-belak.

Spesies mirip: *Pleuractis paumotensis*, yang lebih berat dan kurang berkerenyut.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Polip tunggal *Pleuractis moluccensis* di Pulau Payar, Kedah.

Euphyllia glabrescens (Chamisso & Eysenhardt, 1821)

Famili: Euphylliidae Milne Edwards & Haime, 1857

Nama tempatan: Karang terompet



Polip yang dikultur di FRI Batu Maung, Pulau Pinang menampakkan pusat koralit.

Ciri: Koloni adalah faseloid. Koralit berdiameter 2-3 cm dengan jarak 1.5-3 cm di antara satu sama lain. Dinding nipis dengan tepi yang tajam. Septa tidak menonjol. Kolumela tiada. Polip mempunyai tentakel berbentuk tiub dengan hujung seperti tombol.

Warna: Biru muda, kelabu, hijau atau kuning. Hujung tentakel bewarna putih atau krim.

Spesies mirip: *Euphyllia cristata*, yang koralitnya lebih padat dan septa primer menonjol.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni besar *Euphyllia glabrescens* di Pulau Serimbun, Melaka, dengan hujung tentakel seperti tombol bewarna putih.



Koloni *Euphyllia glabrescens* di Pulau Payar, Kedah dengan tentakel yang panjang menutupi struktur dibawahnya.

Fimbriaphyllia ancora (Veron & Pichon, 1980)

Famili: Euphylliidae Milne Edwards & Haime, 1857

Nama tempatan: Karang tukul / sauh

Nama asal: *Euphyllia ancora*



Koloni kecil yang dikultur di FRI Batu Maung, Pulau Pinang.


Ciri: Koloni adalah “**flabello-meandroid**” dengan septa yang menonjol dan menjunam ke tengah lurah. Dinding lurah mempunyai tepi yang tajam. Kolumela tiada. Polip mempunyai tentakel berbentuk tiub dengan hujung seperti tukul atau sauh.

Warna: Kelabu, biru, perang atau hijau. Hujung tentakel berwarna hijau atau krim.

Spesies mirip: *Fimbriaphyllia divisa*; struktur rangkanya sama tetapi tentakel berbeza.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Kedah.

Status Konservasi IUCN: **Rentan.**



Koloni besar *Fimbriaphyllia ancora* di Pulau Dangli, Langkawi.

Fimbriaphyllia divisa (Veron & Pichon, 1980)

Famili: Euphylliidae Milne Edwards & Haime, 1857

Nama tempatan: Karang telur katak

Nama asal: *Euphyllia divisa*



Ciri: Koloni adalah “**flabello-meandroid**” dengan septa yang menonjol dan menjunam ke tengah lurah. Dinding lurah mempunyai tepi yang tajam. Kolumela tiada. Polip dengan tentakel bercabang yang berbentuk tiub dan hujung seperti tombol.

Warna: Krim, perang atau hijau. Hujung tentakel bewarna pucat atau lutcahaya.

Spesies mirip: *Fimbriaphyllia ancora*; struktur rangkanya sama tapi tentakel berbeza.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Negeri Sembilan.

Polip yang dikultur di FRI Batu Maung, Pulau Pinang, dengan hujung tentakel yang panjang dan lutcahaya.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni kecil *Fimbriaphyllia divisa* dari Port Dickson yang dikultur di FRI Batu Maung.

Goniopora columna Dana, 1846

Famili: Poritidae Gray, 1840

Nama tempatan: Karang buran / pasu bunga



Koloni di Pulau Kendi, Pulau Pinang, dengan kon mulut yang besar.

Ciri: Koloni membentuk kolum yang pendek, yang membujur pada keratan rentasnya. Polip adalah besar dengan kon mulut yang besar.

Warna: Perang, hijau atau kuning, dengan kon mulut bewarna putih. Polip yang menguncup selalunya mempunyai warna berbeza.

Spesies mirip: *Goniopora stokesi*; polipnya lebih besar dan struktur dinding tidak sekata.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni di Teluk Datai, Langkawi dengan polip yang mengembang dan menguncup.

Goniopora djiboutiensis Vaughan, 1907

Famili: Poritidae Gray, 1840

Nama tempatan: Karang buran / pasu bunga



Perincian polip koloni di Pulau Saga, Perak.

Ciri: Koloni adalah separa masif atau kolum tebal yang pendek. Kolumela amat ketara, berbentuk kubah, dan terbahagi kepada enam bahagian. Polip dengan kon mulut yang besar dan cembung.

Warna: Hijau, perang tua atau pudar. Kon mulut bewarna putih, biru atau merah jambu.

Spesies mirip: *G. pendulus*, yang polipnya lebih besar dan tentakel lebih panjang; dan *G. columna*, yang lebih berbentuk kolum.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Perak dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni *Goniopora djiboutiensis* di Pulau Anak Datai, Langkawi.

Goniopora lobata Milne Edwards, 1860

Famili: Poritidae Gray, 1840

Nama tempatan: Karang buran / pasu bunga



Koloni kecil dari Pulau Kendi, Pulau Pinang yang dikultur di FRI Batu Maung.



Bentuk koloni besar yang tipikal di Pulau Undan, Melaka.

Ciri: Koloni membulat dan sering membentuk kolum tebal yang pendek. Kolumela dan kon mulut adalah kecil. Polip memanjang apabila ia mengembang sepenuhnya.

Warna: Perang, kuning atau hijau. Hujung tentakel dan kon mulut berbeza warna.

Spesies mirip: *Goniopora columna*, yang kolumela dan kon mulutnya lebih besar.

Taburan di Selat Melaka: Spesies *Goniopora* yang paling lazim ditemui di Selat Melaka.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Polip koloni di Pulau Segantang, Kedah, dengan kon mulut yang kecil.

Goniopora pedunculata Quoy & Gaimard, 1833

Famili: Poritidae Gray, 1840

Nama tempatan: Karang buran / pasu bunga

Nama asal: *Goniopora minor*



Perincian koloni di Pulau Lalang, Perak, dengan tentakel menirus.


Ciri: Koloni membentuk anak bukit, membulat atau berkerak. Korallit berbentuk bulat dengan dinding yang tebal. Hujung tentakel menirus. Kon mulut bersaiz kecil.

Warna: Perang atau hijau. Warna cakera mulut berbeza dan hujung tentakel pudar.

Spesies mirip: *Goniopora tenuidens*, yang tentakelnya tumpul dengan panjang seragam.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Melaka, Perak dan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni besar *Goniopora pedunculata* di Pulau Serimbun, Melaka.

Goniopora tenuidens (Quelch, 1886)

Famili: Poritidae Gray, 1840

Nama tempatan: Karang buran / pasu bunga



Polip dengan panjang tentakel yang seragam dan hujung bewarna putih.

Ciri: Koloni adalah masif, membulat atau tidak teratur. Koralit berbentuk bulat dan berdinding nipis. Polip sangat rapat dengan panjang yang seragam. Panjang tentakel juga seragam dengan hujung yang tumpul.

Warna: Biru seragam, hijau atau perang. Hujung tentakel mungkin bewarna putih.

Spesies mirip: *Goniopora pedunculata*, yang hujung tentakelnya menirus.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Kedah.

Status Konservasi IUCN: Berisiko rendah.



Koloni besar *Goniopora tenuidens* di Pulau Kaca, Kedah.

Physogyra lichtensteini (Milne Edwards & Haime, 1851)

Famili: Plerogyridae Rowlett, 2020

Nama tempatan: Karang buih mutiara



Koloni dengan sebahagian vesikel masuk ke dalam sepenuhnya.

Ciri: Koloni umumnya masif. Koloni adalah meandroid dengan lurah pendek yang terpisah. Septa besar, membulat, bersisi licin, dan menonjol. Tentakel memanjang pada malam hari sahaja. Pada siang hari permukaan koloni dilitupi oleh vesikel berbentuk anggur atau dwicabang. Vesikel akan masuk ke dalam apabila diganggu.

Warna: Kelabu pucat atau hijau-kelabu.

Spesies mirip: *Plerogyra sinuosa*.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Kedah.

Status Konservasi IUCN: **Rentan.**



Koloni besar *Physogyra lichtensteini* di Pulau Payar, Kedah.

Plerogyra sinuosa (Dana, 1846)

Famili: Plerogyridae Rowlett, 2020

Nama tempatan: Karang buih bulat



Koloni dengan sebahagian vesikel masuk ke dalam menunjukkan lurah yang berliku.

Ciri: Koloni adalah “*flabello-meandroid*” dengan lurah panjang dan berliku yang terhubung oleh senosteum. Vesikel sering berbentuk anggur, tetapi boleh berbentuk tiub, dwicabang atau tiada bentuk khusus.

Warna: Krim atau kelabu-kebiruan.

Spesies mirip: *Physogyra lichtensteini*, yang vesikelnya lebih kecil dan skeletal berbeza.

Taburan di Selat Melaka: Perairan Negeri Sembilan.

Status Konservasi IUCN: Hampir terancam.



Koloni *Plerogyra sinuosa* dari Port Dickson, yang dikultur di FRI Batu Maung.

LAIN-LAIN SPESIES KARANG KERAS YANG DIREKODKAN DI PERAIRAN SELAT MELAKA

FAMILI

SPESES

Acroporidae Verrill, 1902

Alveopora excelsa Verrill, 1864

Astreopora myriophthalma (Lamarck, 1816)

Montipora foliosa (Pallas, 1766)

Montipora spumosa (Lamarck, 1816)

Agariciidae Gray, 1847

Pavona divaricata Lamarck, 1816

Pavona duerdeni Vaughan, 1907

Pavona varians Verrill, 1864

Pocilloporidae Gray, 1840

Pocillopora grandis Dana, 1846


Pocillopora verrucosa (Ellis & Solander, 1786)

Poritidae Gray, 1840

Goniopora tenella (Quelch, 1886)

Porites superfusa Gardiner, 1898

Sumber: Waheed (2016)





Aktiviti pengambilan foto di Kepulauan Sembilan, Perak.



Aktiviti pengambilan foto di Taman Laut Pulau Payar, Kedah.

GLOSARI

Istilah Melayu	Huraian	Istilah Inggeris
A		
Antropogeni	Berkaitan dengan aktiviti manusia.	Anthropogenic
Atol	Terumbu karang yang berbentuk seperti cincin yang melingkungi sesuatu lagun.	Atoll
B		
Bercabang	Bentuk pertumbuhan koloni yang mempunyai bahagian yang memanjang seperti cabang.	Branching
Berkerak	Bentuk pertumbuhan koloni yang melekat rapat pada substrat.	Encrusting
Biodiversiti	Kepelbagaian spesies haiwan dan tumbuhan dalam persekitaran semulajadinya.	Biodiversity
Biologi	Sains yang berkaitan dengan struktur, fungsi, taburan, perkembangan, dan proses hidup benda hidup.	Biology
C		
Cakera mulut	Tisu lembut di antara mulut dengan tentakel di sekelilingnya.	Oral disc
“Colline”	Struktur seperti dinding yang terdiri daripada senosteum yang memisahkan koralit.	
“Corymbose”	Bentuk pertumbuhan koloni di mana cabang yang bercantum secara mendatar mempunyai anak cabang pendek yang menegak.	
D		
Dwi-muka	Plet yang mempunyai koralit pada kedua belah permukaannya.	Bifacial
E		
Evolusi	Perubahan secara beransur-ansur pada haiwan atau tumbuhan, daripada satu generasi kepada generasi lain.	Evolution
F		
Famili	Salah satu kategori pengelasan benda hidup di antara order dengan genus.	Family
Faseloid	Bentuk pertumbuhan karang di mana koralit terpisah oleh ruang kosong dan hanya bercantum di dasar.	Phaceloid
“Flabello-meandroid”	Bentuk pertumbuhan koloni yang mempunyai lurah berdinding yang terpisah daripada dinding lurah yang bersebelahan.	

Istilah Melayu	Huraian	Istilah Inggeris
G		
Genus	Kumpulan benda hidup yang terdiri daripada spesies yang mempunyai beberapa ciri yang serupa.	Genus
Geologi	Sains tentang asal usul, sejarah, struktur dan komposisi bumi.	Geology
H		
“Hydnophore”	Nama lain untuk montikul, terutama bagi karang <i>Hydnophora</i> .	
J		
Jejari	Bentuk pertumbuhan koloni dengan cabang pendek berbentuk jari yang menuding ke atas.	Digitate
I		
<i>In situ</i>	Berada di kedudukan asal atau kawasan semula jadi.	<i>In situ</i>
K		
Kaliks	Permukaan atas koralit yang terbuka dan dikelilingi oleh dinding.	Calice
Khatulistiwa	Garis rekaan di keliling dunia atau dilukis atas peta yang terletak pada garis lintang 0 darjah.	Equatorial
Koloni	Kumpulan polip daripada spesies yang sama yang hidup bersama-sama.	Colony
Kolum	Bentuk pertumbuhan koloni yang membentuk lebih dari satu lajur / tiang yang menegak.	Column
Kolumela	Struktur skeletal pada paksi pusat koralit.	Columellae
Kon mulut	Timbunan tisu lembut yang mengelilingi mulut (bagi karang <i>Alveopora</i> dan <i>Goniopora</i>).	Oral cone
Konservasi	Pemeliharaan atau penjagaan sesuatu secara tersusun.	Conservation
Koralit	Rangka atau skeletal setiap individu polip.	Coralite
Koralit aksial	Koralit pada puncak cabang <i>Acropora</i> , yang lazimnya berbeza struktur dengan koralit radial di bahagian lain.	Axial corallite
Koralit radial	Koralit pada sisi cabang <i>Acropora</i> , tidak seperti koralit aksial yang terletak di puncak cabang.	Radial corallite
Koralit pusat	Koralit pertama yang membesar dan jelas kelihatan di bahagian tengah koloni.	Central corallite
Kostae	Struktur yang berkembang ke luar daripada dinding koralit hingga ke bahagian polip bersebelahan.	Costae

Istilah Melayu	Huraian	Istilah Inggeris
L		
Lamina	Lapisan tisu yang nipis.	Laminae
Lobus pali / Pali	Plet atau batang skeletal yang menegak pada sisi dalaman septa.	Paliform lobes / Pali
Lobus tentakel	Lobus pada permulaan septa (contohnya bagi <i>Fungia</i> , setiap lobus mempunyai satu tentakel).	Tentacular lobe
M		
Mantel	Tisu berisi yang melitupi bahagian skeletal karang.	Mantle
Masif	Bentuk pertumbuhan karang yang amnya serupa di setiap dimensi dan kebanyakannya padu.	Massive
Meandroid	Bentuk pertumbuhan karang yang mempunyai lurah yang bersempadanan dengan lurah bersebelahan oleh dinding yang sama.	Meandroid
Mikro-atol	Bentuk koloni seperti cincin akibat paras air surut yang membolehkan pertumbuhan mendatar sahaja.	Micro-atoll
Montikul	Bahagian berkon yang terbentuk oleh dinding yang sama di antara koralit.	Monticule
N		
“Nariform”	Koralit radial pada karang <i>Acropora</i> yang berbentuk seperti hidung terbalik.	
Nematosista	Sel menyengat yang mempunyai kantung penuh cecair, di dalamnya terdapat bebenang panjang dan bergelung.	Nematocyst
Neurotoksin	Bahan (toksin) yang menjejaskan tisu saraf.	Neurotoxin
Nodul	bintil pada cabang.	Nodule
O		
Order	Salah satu kategori pengelasan benda hidup, sebelum famili.	Order
P		
Papila	Senosteum yang menonjol pada <i>Astreopora</i> atau <i>Montipora</i> yang saiznya lebih kecil daripada koralit.	Papillae
Petaloid	Bentuk lengkung yang meruncing seperti air mata, khususnya bagi septa.	Petaloid
Pinul	Struktur kecil berbentuk selinder yang menegak, selalunya di bahagian kolumela.	Pinnule
Planktonik	Berkaitan dengan sesuatu yang terapung-apung, Contohnya telur karang yang sangat kecil dan ringan.	Planktonic

Istilah Melayu	Huraian	Istilah Inggeris
Plokoid	Bentuk pertumbuhan karang di mana koralit terpisah oleh dinding yang berasingan atau senosteum.	Plocoid
Polip	Komponen tisu / haiwan hidup pada karang.	Polyp
R		
Rentan	Mudah terdedah pada ancaman atau bahaya.	Vulnerable
Roset	Gubahan yang berbentuk bunga ros.	Rosette
S		
Satu-muka	Koloni yang mempunyai koralit pada satu bahagian permukaan sahaja.	Unifacial
“Scleractinian”	Karang yang mempunyai rangka berkapur yang tergolong dalam order Scleractinia	
Senosteum	Bahan skeletal seperti sepan yang terletak di antara dinding koralit yang bersebelahan (bagi <i>Acropora</i> dan <i>Turbinaria</i> , ia membentuk dinding itu sendiri).	Coenesteum
Septa	Struktur yang berkembang daripada dinding koralit atau kaliks dan menurun ke bahagian perut karang.	Septa
Septa-kostae	Bahagian skeletal yang melintasi dinding koralit, yang mengandungi kedua-dua septa dan kostae.	Septo-costae
Serioid	Bentuk pertumbuhan karang di mana koralit terpisah antara satu sama lain oleh dinding yang sama.	Ceriod
Skeletal	Rangka.	Skeletal
Spesies	Golongan haiwan, tumbuhan dan sebagainya yang mempunyai sifat yang sama atau bersamaan bangsa.	Species
T		
Taksa	Unit bagi taksonomi, seperti spesies.	Taxon
Taksonomi	Kajian hubungkait genetik di antara taksa dan penamaan taksa.	Taxonomy
Tentakel	Struktur mudah lentur seperti tiub pada polip.	Tentacle
“Thecal”	Bahagian skeletal yang berbentuk tiub pada koralit.	
V		
Veruka	Satu daripada unjuran kecil seperti kutil yang mengelilingi pangkal polip beberapa jenis karang seperti <i>Montipora</i> dan <i>Pocillopora</i> .	Verrucae
Vesikel	Pundi berbentuk anggur yang mengembang pada siang hari bagi karang Plerogyridae.	Vesicles

BIBLIOGRAFI

- Affendi, Y.A. & Rosman, F.R. 2012. Current knowledge on sclerectinian coral diversity of Peninsular Malaysia. Dalam: Kamarruddin, et al. (eds.). Malaysia's marine biodiversity: inventory and current status. Jabatan Taman Laut Malaysia, Putrajaya, p:21-31.
- Borneman, E.H., 2009. Aquarium corals: Selection, husbandry and natural history. Amerika Syarikat: TFH Publications.
- Chou, L.M. 1988. A guide to the coral reef life of Singapore. Singapura: Singapore Science Centre.
- Ismail, M.S. & Goeden, G.B. 2020. Coral tapestry: A guide to the common corals of the marine parks of Malaysia. Malaysia: FRI Batu Maung.
- IUCN 2021. The IUCN red list of threatened species. Versi 2021-1. Tersedia ada di <https://www.iucnredlist.org/> (Akses terakhir pada Julai 2021).
- Kelley, R. 2016. Indo-Pacific coral finder. Edisi ke-3. Australia: BYO Guides.
- Ong, J.E. & Gong, W.K. 2001. The Seas. The encyclopedia of Malaysia. Jilid 6. Singapura: Archipelago Press.
- Pillae, C.S.G. & Sheer, G. 1974. On a collection of scleractinia from the Straits of Malacca. Proc. Sec. Int. Coral Reef Symp., GBR Committee, Brisbane. p:445-465.
- Sprung, J., 1999. Corals: A quick reference guide. Amerika Syarikat: Ricordea Publishing.
- Suharsono. 2008. Jenis-jenis karang di Indonesia. Indonesia: LIPI Press.
- Turak, E. & DeVantier, L. 2011. Field guide to reef-building corals of Brunei Darussalam. Brunei: Fisheries Department.
- Veron, J.E.N. 2000. Corals of the world. Jilid 1-3. Australia: Australian Institute of Marine Science.
- Waheed, Z. 2016. Patterns of coral species richness and reef connectivity in Malaysia. Thesis PhD. Leiden University.
- WoRMS Editorial Board (2021). World register of marine species. Tersedia ada di <http://www.marinespecies.org/> (Akses terakhir pada Julai 2021).

BIODATA PENULIS



Mohamad Saupi bin Ismail merupakan seorang penyelidik, “aquarist”, dan mempunyai pengalaman intensif selama lebih 10 tahun dalam penyelidikan terumbu karang. Beliau kini menjawat jawatan Pengarah di Pusat Penyelidikan Taman Laut Negara, Jabatan Perikanan Malaysia. Pengalaman terdahulu beliau sebagai Pengurus di Akuarium Tunku Abdul Rahman (AkuaTAR), Pulau Pinang dari tahun 2009 hingga 2019 banyak membantu dalam melengkapkan diri beliau sebagai seorang ahli biologi marin, khususnya dalam bidang ekosistem terumbu karang. Penulis juga merupakan pakar rujuk dan penasihat saintifik berkenaan karang yang dilantik oleh Jabatan Perikanan Malaysia, serta penceramah tetap bagi Kursus Kultur dan Propagasi Karang untuk Industri Akuarium, anjuran Jabatan Perikanan Malaysia. Dengan 20 pengalaman dalam aktiviti selam SCUBA dan telah menjalankan aktiviti selam di hampir kesemua pulau yang mempunyai taburan terumbu karang di perairan pantai barat Semenanjung Malaysia, cukup untuk meningkatkan pengetahuan beliau berkenaan terumbu karang di Selat Melaka. Beliau juga merupakan penulis utama buku “Coral Tapestry” dan Karang: Kultur dan Propagasi, serta pelbagai jurnal berkenaan penyelidikan terumbu karang.

SENARAI PENYUMBANG FOTO



Mohamad Saupi Ismail

FRI Batu Maung



Md. Nizam Ismail

FRI Batu Maung



Zaidnuddin Ilias

FRI Batu Maung



Dzulfikkar Baitul Ma'mur

FRI Batu Maung



Nicole Lim Wei Chen

The Datai Langkawi



Diyana Hj. Nordin

J Makers PLT Seri Kembangan

INDEKS

Acroporidae Verrill, 1901		
	<i>Acropora aspera</i> (Dana, 1846)	14
	<i>Acropora clathrata</i> (Brook, 1891)	15
	<i>Acropora cytherea</i> (Dana, 1846)	16
	<i>Acropora divaricata</i> (Dana, 1846)	17
	<i>Acropora florida</i> (Dana, 1846)	18
	<i>Acropora grandis</i> (Brook, 1892)	19
	<i>Acropora hyacinthus</i> (Dana, 1846)	20
	<i>Acropora muricata</i> (Linnaeus, 1758)	21
	<i>Acropora nasuta</i> (Dana, 1846)	22
	<i>Acropora pulchra</i> (Brook, 1891)	23
	<i>Acropora robusta</i> (Dana, 1846)	24
	<i>Acropora secale</i> (Studer, 1878)	25
	<i>Acropora spicifera</i> (Dana, 1846)	26
	<i>Astreopora gracilis</i> Bernard, 1896	48
	<i>Montipora aequituberculata</i> Bernard, 1897	83
	<i>Montipora danae</i> Milne Edwards & Haime, 1851	84
	<i>Montipora digitata</i> (Dana, 1846)	28
	<i>Montipora hispida</i> (Dana, 1846)	85
	<i>Montipora stellata</i> Bernard, 1897	29
	<i>Montipora turtlensis</i> Veron & Wallace, 1984	86
	<i>Montipora verrucosa</i> (Lamarck, 1816)	87
Agariciidae Gray, 1847		
	<i>Pavona decussata</i> (Dana, 1846)	69
	<i>Pavona explanulata</i> (Lamarck, 1816)	93
	<i>Pavona frondifera</i> (Lamarck, 1816)	94
Dendrophylliidae Gray, 1847		
	<i>Duncanopsammia peltata</i> (Esper, 1790)	77
	<i>Turbinaria frondens</i> (Dana, 1846)	98
	<i>Turbinaria mesenterina</i> (Lamarck, 1816)	99
	<i>Turbinaria reniformis</i> Bernard, 1896	100
Diploastraeidae Chevalier & Beauvais, 1987		
	<i>Diploastrea heliopora</i> (Lamarck, 1816)	53

Euphyllidae Alloiteau, 1952		
	<i>Euphyllia glabrescens</i> (Chamisso & Eysenhardt, 1821)	104
	<i>Fimbriaphyllia ancora</i> (Veron & Pichon, 1980)	105
	<i>Fimbriaphyllia divisa</i> (Veron & Pichon, 1980)	106
	<i>Galaxea fascicularis</i> (Linnaeus, 1767)	61
Fungiidae Dana, 1846		
	<i>Fungia fungites</i> (Linnaeus, 1758)	101
	<i>Lithophyllon repanda</i> (Dana, 1846)	102
	<i>Lithophyllon undulatum</i> Rehberg, 1892	81
	<i>Pleuractis moluccensis</i> (Van der Horst, 1919)	103
	<i>Podabacia crustacea</i> (Pallas, 1766)	95
	<i>Podabacia lankaensis</i> Veron, 2000	96
Leptastreidae Rowlett, 2020		
	<i>Leptastrea purpurea</i> (Dana, 1846)	67
	<i>Leptastrea transversa</i> Klunzinger, 1879	68
Lobophylliidae Dai & Horng, 2009		
	<i>Echinophyllia aspera</i> (Ellis & Solander, 1786)	78
	<i>Echinophyllia orpheensis</i> Veron & Pichon, 1980	79
	<i>Lobophyllia agaricia</i> (Milne Edwards & Haime, 1849)	36
	<i>Lobophyllia corymbosa</i> (Forskål, 1775)	37
	<i>Lobophyllia hemprichii</i> (Ehrenberg, 1834)	38
	<i>Lobophyllia radians</i> (Milne Edwards & Haime, 1849)	39
	<i>Lobophyllia recta</i> (Dana, 1846)	40
Merulinidae Verrill, 1865		
	<i>Astraeosmia maxima</i> (Veron, Pichon & Wijsman-Best, 1977)	47
	<i>Coelastrea aspera</i> (Verrill, 1866)	49
	<i>Cyphastrea chalcidicum</i> (Forskål, 1775)	50
	<i>Cyphastrea microphthalma</i> (Lamarck, 1816)	51
	<i>Cyphastrea serailia</i> (Forskål, 1775)	52
	<i>Dipsastraea favus</i> (Forskål, 1775)	54
	<i>Dipsastraea maritima</i> (Nemanzo, 1971)	55
	<i>Dipsastraea speciosa</i> (Dana, 1846)	56
	<i>Echinopora lamellosa</i> (Esper, 1795)	80
	<i>Favites abdita</i> (Ellis & Solander, 1786)	57
	<i>Favites complanata</i> (Ehrenberg, 1834)	58

	<i>Favites halicora</i> (Ehrenberg, 1834)	59
	<i>Favites pentagona</i> (Esper, 1795)	60
	<i>Goniastrea edwardsi</i> Chevalier, 1971	62
	<i>Goniastrea pectinata</i> (Ehrenberg, 1834)	35
	<i>Goniastrea retiformis</i> (Lamarck, 1816)	63
	<i>Hydnophora exesa</i> (Pallas, 1766)	64
	<i>Hydnophora microconos</i> (Lamarck, 1816)	65
	<i>Hydnophora pilosa</i> Veron, 1985	66
	<i>Hydnophora rigida</i> (Dana, 1846)	27
	<i>Merulina ampliata</i> (Ellis & Solander, 1786)	82
	<i>Mycedium elephantotus</i> (Pallas, 1766)	88
	<i>Paragoniastrea australensis</i> (Milne Edwards & Haime, 1857)	41
	<i>Pectinia lactuca</i> (Pallas, 1766)	42
	<i>Pectinia paeonia</i> (Dana, 1846)	43
	<i>Platygyra daedalea</i> (Ellis & Solander, 1786)	44
	<i>Platygyra lamellina</i> (Ehrenberg, 1834)	45
	<i>Platygyra sinensis</i> (Milne Edwards & Haime, 1849)	46
Oulastreidae Vaughan, 1919		
	<i>Oulastrea crispata</i> (Lamarck, 1816)	89
Plerogyridae Rowlett, 2020		
	<i>Physogyra lichtensteini</i> (Milne Edwards & Haime, 1851)	112
	<i>Plerogyra sinuosa</i> (Dana, 1846)	113
Plesiastreidae Dai & Horng, 2009		
	<i>Plesiastrea versipora</i> (Lamarck, 1816)	70
Pocilloporidae Gray, 1840		
	<i>Pocillopora damicornis</i> (Linnaeus, 1758)	30
Poritidae Gray, 1840		
	<i>Goniopora columna</i> Dana, 1846	107
	<i>Goniopora djiboutiensis</i> Vaughan, 1907	108
	<i>Goniopora lobata</i> Milne Edwards, 1860	109
	<i>Goniopora pedunculata</i> Quoy & Gaimard, 1833	110
	<i>Goniopora tenuidens</i> (Quelch, 1886)	111
	<i>Porites compressa</i> Dana, 1846	31
	<i>Porites cylindrica</i> Dana, 1846	32
	<i>Porites evermanni</i> Vaughan, 1907	71

	<i>Porites lichen</i> (Dana, 1846)	97
	<i>Porites lobata</i> Dana, 1846	72
	<i>Porites lutea</i> Milne Edwards & Haime, 1851	73
	<i>Porites nigrescens</i> Dana, 1846	33
	<i>Porites rus</i> (Forskål, 1775)	74
Psammocoridae Chevalier & Beauvais, 1987		
	<i>Psammocora contigua</i> (Esper, 1794)	34
	<i>Psammocora nierstraszi</i> Van der Horst, 1921	75
	<i>Psammocora profundacella</i> Gardiner, 1898	76
Scleractinia incertae sedis		
	<i>Pachyseris gemmae</i> Nemenzo, 1955	90
	<i>Pachyseris rugosa</i> (Lamarck, 1801)	91
	<i>Pachyseris speciosa</i> (Dana, 1846)	92

Karang, makhluk yang disebut "al-marjan" dalam kitab Al-Quran merupakan satu khazanah marin yang tidak ternilai harganya. Siapa sangka di perairan Selat Melaka yang keruh, tersimpan hidupan al-marjan yang bewarna-warni dengan corak dan bentuk yang pelbagai dan unik. Keunikan ini ingin dikongsi bersama oleh penulis di dalam buku yang berkonsep ensiklopedia ini.

Buku ini menyenaraikan 100 spesies karang keras, hasil pemerhatian penulis sepanjang selaman beliau di habitat terumbu karang di perairan pantai barat Semenanjung Malaysia sejak sedekad lalu. Buku yang julung-julung kali didokumentasi khusus untuk terumbu karang di Selat Melaka ini mengandungi foto bawah air dan keterangan ringkas untuk memudahkan pemahaman semua golongan pembaca, daripada pelajar untuk dijadikan sebagai sumber rujukan sehinggalah kepada peminat spesies karang dan para penyelam SCUBA.

